

# BELANJAWAN MALAYSIA 2015

PAKATAN RAKYAT





# \_ Kandungan

<b>MUQADDIMAH</b>	5
<b>KEUTAMAAN BELANJAWAN PAKATAN RAKYAT 2015</b>	8
<b>EKONOMI MALAYSIA DALAM 2015</b>	9
<b>UNJURAN FISKAL : PENDAPATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	12
<b>UNJURAN FISKAL : PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN</b>	18
<b>UNJURAN PERTUMBUHAN EKONOMI</b>	31
<b>KEPINCANGAN PENTADBIRAN EKONOMI BARISAN NASIONAL</b>	32
Tatakelola Yang Lemah	35
Pergantungan Kepada Hasil Minyak & Gas	40
TPPA : Tidak Telus, Tidak Cekap, Tidak Kemas	45
Sistem Cukai : Miskin Dicukai, Kaya Dilepaskan	49
<b>BELANJAWAN BERKEBAJIKAN</b>	54
Gaji Yang Adil Untuk Hidup Bermaruah	56
Bebanan Sara Hidup	59
Hak Perumahan Rakyat	63
Ekonomi Desa Yang Mensejahterakan	65
<b>PENUTUP</b>	68



## MUQADDIMAH

Sekali lagi Pakatan Rakyat akan membentangkan Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 untuk menyemak-imbang tadbir urus kewangan Barisan Nasional yang tempang dan dasar-dasar yang gagal memacu sebuah pembangunan yang adil.

Kami bermuhasabah diri dengan peringatan tegas Allah SWT dalam Surah Al-Baqarah ayat 188:

وَلَا تَأْكُلُوا أَمْوَالَكُمْ بَيْنَكُمْ بِالْبَطْلِ وَتُدْلُوْبَهَا إِلَى الْحُكَّامِ  
إِلَّا كُلُّوْفِرِيقًا مِّنْ أَمْوَالِ النَّاسِ يَا لِإِثْمٍ وَأَنْتُمْ تَعْلَمُونَ  


*“Dan janganlah kamu makan (atau mengambil) harta orang-orang lain) di antara kamu dengan jalan yang salah, dan jangan pula kamu menghulurkan harta kamu (memberi rasuah kepada hakim-hakim kerana hendak memakan (atau mengambil) sebahagian dari harta manusia dengan (berbuat) dosa, padahal kamu mengetahui (salahnya).”*

Belanjawan sebagai satu alat fiskal mesti dicerakinkan mengambil kira apakah yang mahu dicapai oleh sesebuah kerajaan. Membentang sebuah belanjawaan dari pihak pembangkang bukan satu amalan sebuah demokrasi ala Westminster. Namun, bagi pencerahan pemikiran rakyat, kami kemukakan Belanjawaan Pakatan Rakyat setiap tahun untuk tatapan di ruang awam.

Belanjawan 2015 adalah yang terakhir dalam pelan Rancangan Malaysia ke-10 (RMK10 2010-2015). Diukur dari segi Pendapatan Kasar Negara (GNI) per kapita, Malaysia dikatakan telah mencecah USD10,060 atau RM32,134 tahun lalu (2013), melepas USD10,000 buat julung kalinya. Atas unjuran itu, Malaysia dikatakan mampu mencapai negara berpendapatan tinggi sekaligus negara maju dalam tahun 2020.

Sementara menjana pendapatan USD14,000 atau RM48,000 setahun bukanlah satu yang mustahil untuk dicapai, melayakkan Malaysia berstatus ‘negara maju’ tentunya satu perkara yang berbeza. Banyak lagi ‘kunci metrik utama’ atau ‘critical key metrics’ yang wajar dipenuhi.

Selainnya, pengukuhan institusi-institusi ekonomi dan sosial secara mantap, berserta amalan tata kelola yang memiliki integriti dan kebertanggungjawaban yang tinggi, yang dipasak dengan bingkai keluhuran undang-undang yang mengangkat keadilan sosial merentasi semua rakyat, adalah piawaian dan mercu tanda negara-negara maju.

Status negara maju juga contohnya menuntut sebuah negara itu mengamalkan dasar-dasar kesihatan yang menjaga kualiti hidup serta indeks kesejahteraan rakyat teramai. Pacuan pembangunannya tidak merosak alam sekitar bahkan mengekalkan pemuliharaan alam sekitarnya.

Dalam rangka itu, pengisytiharaan pendapatan purata rakyat sebagai RM5,900 menjadi hambar dan lompang. Statistik kerajaan sendiri memaparkan 7.9 juta rakyat sebagai layak menerima BRIM3.0 sementara penerimanya adalah mereka yang mempunyai pendapatan isirumah di bawah RM4,000 sebulan. Statistik juga menunjukkan 78.6% pencarum KWSP berpendapatan kurang RM3,000 dan 40% berpendapatan kurang RM2,000 sebulan.

Jurang melebar antara kaya-miskin, bandar-desa dan negeri maju-kurang maju, semua memusnah erti pembangunan yang adil dan agihan kekayaan negara secara saksama dan berimbang.

Sejarah pembangunan negara sejak kemerdekaan adalah diakui umumnya sebagai prestasi yang ‘tidaklah begitu cemerlang’ atau ‘relative underperformance’. Sementara kita berjaya mendahului negara jiran seperti Indonesia, Filipina dan Thailand, Malaysia ditinggalkan jauh oleh negara seperti Korea Selatan, Taiwan, Hong Kong dan Singapura sejak 1980an.

Dalam Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 ini, kami akan terus memaparkan unjuran makroekonomi serta penilaianya yang terperinci dari sisi perspektif kami. Kami akan memberikan kritik terhadap pengurusan kewangan Barisan Nasional dan mengharapkan rakyat akan dapat membezakan antara kedua pendekatan belanjawan ini.

Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 ada sedikit kelainan berbeza dengan empat belanjawan terdahulu sejak Pakatan Rakyat mula membentangkan belanjawannya sendiri bermula Belanjawan Pakatan Rakyat 2011.

Kalau sebelum ini dokumen belanjawan Pakatan Rakyat banyak tertumpu kepada cadangan-cadangan dasar dan program yang memaparkan kaedah berbeza Pakatan Rakyat mentadbir ekonomi negara, belanjawan kali ini memberi fokus kepada beberapa isu pokok yang memerlukan perhatian segera.

Isu-isu pokok ini (baik dari segi amalan pincang yang terus dibawa oleh Barisan Nasional atau pun bidang-bidang yang mempunyai kesan terbesar kepada kesejahteraan rakyat) diberi perhatian khusus kerana kami yakin jika tekanan berterusan dikenakan ke atas Dato' Seri Najib Tun Razak, Barisan Nasional tiada pilihan kecuali akur kepada beberapa agenda reformasi ekonomi yang dibawa.

Kejayaan membawa agenda reformasi ekonomi kepada isu-isu pokok seperti kelemahan tata kelola, pentadbiran hasil minyak dan gas serta lain-lain; apabila disertai dengan langkah khusus yang akan dibawa Pakatan Rakyat dalam tahun 2015 bakal memberi makna sebenar fungsi sebuah pembangkang yang berkesan.

Kami yakin beberapa agenda reformasi ekonomi ini akan berjaya juga dilaksanakan dalam tahun 2015 dengan asakan berterusan Pakatan Rakyat demi membela rakyat.

***Jawatankuasa Belanjawan Pakatan Rakyat***

*Selasa, 7 Oktober 2014*

# KEUTAMAAN BELANJAWAN PAKATAN RAKYAT 2015



**Kukuhkan  
Tata Kelola**  
Hapuskan Ketirisan  
dan Rasuah



**Defisit**  
Belanjawan 2.6%




Lebih Peruntukan  
Untuk Belanja  
Pembangunan



**Menjaga  
Amanah**  
Khazanah Minyak  
dan Gas Negara



Tentang GST  
Yang Mencukai Orang Miskin,  
Perkenalkan CGT  
Yang Mencukai  
Keuntungan Modal



**Pertahan  
Perdagangan**  
Bebas Yang Adil



**Gaji**  
Yang Adil  
untuk Hidup  
Bermaruah



**Bebas**  
Dari Kenaikan  
Harga



**Pembangunan  
Desa**  
Yang Menyeluruh



**Hak**  
Perumahan  
Rakyat

## **EKONOMI MALAYSIA DALAM 2015**

Tahun 2015 adalah sangat mencabar.

Dengan pelbagai ketidaktentuan, khasnya rakan dagangan utama Cina yang menampakkan ekonomi yang mula perlahan dan kesan akibat dasar Amerika untuk menamatkan dasar ‘Quantitative Easing’ yang meninggalkan kesan buruk kepada ekonomi negara membangun. Begitu juga kesan langsung konflik di Timur Tengah dan Ukraine-Rusia ke atas harga minyak mentah.

Pencapaian pertumbuhan ekonomi 6.4% dalam suku kedua tahun ini selepas mencapai pertumbuhan 6.2% dalam suku pertamanya adalah agak terpencil apabila dibandingkan dengan rekod pencapaian ekonomi Barisan Nasional sepanjang perlaksanaan RMK10. Dalam tempoh itu, Barisan Nasional gagal mencapai sasaran yang mereka tetapkan sendiri yakni 6%.

Pertumbuhan sepanjang 5 tahun lalu antara adalah di antara 4.5% hingga 5.5%. Ramalan untuk setengah tahun terakhir 2014 juga dijangka tidak memberangsangkan terutamanya akibat penguatkuasaan GST pada April 2015 yang akan menjelaskan sentimen berbelanja pengguna. Ini sekaligus mengurangkan permintaan domestik. Suka diingatkan faktor permintaan domestik dan faktor peningkatan eksport bertanggungjawab memacu pertumbuhan dalam dua suku pertama tahun 2014 ini. Dengan faktor sentimen pengguna yang dijangka terjejas dan faktor ekonomi serantau seperti di atas, adalah ramalan pertumbuhan 2014 akan berada di antara 5.5% ke 5.8% adalah munasabah.

Gambaran kedudukan ekonomi negara dapat diukur dengan prestasi harga Minyak Mentah Sawit (CPO) untuk enam bulan lalu. Pada September 2014, harga CPO terus menjunam ke paras serendah RM2,000 satu metrik ton. Penurunan sebegini memberi kesan yang sangat besar kepada ekonomi negara kerana sektor eksport CPO ini menjana RM80 bilion setahun dan melibatkan 400,000 pekerja. Dengan 113,000 peneroka Felda yang berkongsi hasil buah mereka, pendapatan mereka pastinya lebih terjejas. Dengan itu, permintaan domestik desa tentunya juga akan merosot.

Kedudukan rakyat di bandar tidak juga menunjukkan keadaan lebih baik. Hutang isirumah telah mencapai ke tahap 89.2% KDNK dalam Julai tahun ini. Kajian FOMCA memberi pecahan jenis pinjaman seperti berikut: pinjaman perumahan 29%, pinjaman kenderaan 51%, pinjaman peribadi 15% dan pinjaman pelajaran 33%.

Kami juga berpendapat bahawa inflasi ‘sebenar’ berbanding angka rasmi Indeks Harga Pengguna (atau CPI) sebenarnya berbeza hingga 100 ke 200 mata asas. Mengikut laporan ekonomi Reuters, dalam tahun 2015 CPI akan melonjak ke 3.2% sementara CPI untuk makanan berada di tahap tinggi iaitu 4.5% dan pengangkutan pada 5%.

Rakyat lebih memahami himpitan inflasi di akar umbi. Harga secawan kopi kini ialah RM1.80 sementara sekeping roti canai sudah mencecah RM1.20. Dengan GST, secawan kopi akan naik sehingga RM2.00 dan sekeping roti canai kepada RM1.30. Ramalan perbelanjaan akan meningkat sebelum GST dan menurun selepas pelaksanaannya. Keseluruhannya kami meramalkan perbelanjaan sektor runcit dan barang pengguna akan berkurang pada tahun 2015 nanti.

Kelompok kelas menengah sebelum ini telah berbelanja secara kredit atau menggunakan pinjaman ketika kadar faedah rendah semasa regim ‘Quantitative Easing’ (QE) bermula 2010-2013. Sebahagian besar telah digunakan membeli dan melabur dalam sektor hartanah.

Secara tidak disengajakan, kenaikan hartanah ini telah menimbulkan kesan buruk kepada golongan berpendapatan rendah. Apabila Amerika Syarikat memutuskan untuk menamatkan regim QE, ini serentak akan menyaksikan peningkatan kadar faedah. Akhirnya kelompok kelas menengah akan terasa tertekan ketika harga hartanah mula turun berikutan penamatan QE ini.

Hutang keraaan Persekutuan juga dilaporkan telah melepas had yang dibenarkan undang-undang pada Ogos 2014 lalu yakni 55% KDNK yang mereka sendiri tetapkan seumpama dalam Akta Pinjaman Tempatan 1959. Pada 2013 hutang kerajaan Pusat adalah pada paras RM540 bilion bersamaan 54.7% KDNK. Ketika itu hutang yang dipinjam secara tidak langsung oleh kerajaan (selalu disebut “contingent liability”) berada pada paras RM157 bilion atau 15.9% KDNK.

Sementara syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (atau GLC) yang menanggung hutang yang dijamin Kerajaan Persekutuan tidak diramalkan akan menjadi hutang tidak berbayar atau ‘NPL; keyakinan yang sama tidak wajar diberikan kepada 1Malaysia Development Berhad (1MDB) yang hutangnya telah mencecah RM40 bilion. 1MDB kini telah menjadi ‘ikon’ atau mercu tanda segala kebobrokan tadbir urus kewangan Barisan Nasional.

Adalah sedia diakui selama ini Malaysia berada di dalam ‘zon selamat’ apabila dilihat dari segi mencatatkan lebihan dagangan (atau ‘trade surplus’) dan simpanan antarabangsa (atau ‘foreign reserve’) yang sihat.

Walau bagaimana pun, lebihan akaun semasa kita juga telah menurun dari RM102 bilion ke RM37.3 billion pada 2013. Kita berdepan pula dengan ekonomi negara-negara jiran yang semakin rancak dengan dasar-dasar pendekatan pembangunan yang pernah kita gunakan satu ketika dahulu. Kita tidak boleh lagi menggunakan

kelebihan persaingan (atau ‘competitive advantage’) negara semata-mata. Persaingan sengit memerlukan negara mencari pendekatan model yang berbeza bagi membina kelebihan baru berbanding negara-negara saingan.

Kita jangan fikir ketempangan tadbir-urus fiskal Barisan Nasional akan dapat kita atasi dengan mengulangi sebutan mengenai asas kekuatan ‘fundamentals’ yang kuat dan mampu menjana lebihan dagangan. Ketahuilah bahawa itu juga tertakluk kepada permintaan global khasnya rakan-rakan dagangan utama yang kini berdepan dengan ancaman ekonomi mereka sendiri.

Setelah mampu memacu pembangunan yang agak pesat dalam dekad-dekad awal pasca-kemerdekaan, Malaysia berjaya melonjak dari kelompok status negara berpendapatan rendah ke berpendapatan status sederhana. Sementara 5 negara Asia termasuk Jepun tadi berjaya melonjak ke negara berstatus pendapatan tinggi, Malaysia sebaliknya kekal dalam jajaran negara yang dianggap terperangkap dalam ekonomi berpendapatan sederhana (atau lebih dikenali sebagai “middle income trap”).

Cabarannya untuk terus menjana pembangunan negara ini (baik amanah kepada kerajaan yang ada kini atau kerajaan yang bakal mengambil alih kepimpinan) bukanlah kepala lang. Benar, Malaysia tidak lagi dapat membangunkan negara dengan model pembangunan berteraskan input semata-mata sama ada modal, buruh, sumber dan teknologi.

Sebaliknya Malaysia sangat berhajatkan pembangunan yang mengizinkan pacuan inovasi yang lahir dari sebuah kepimpinan politik yang memberdayakan institusi-institusi penting negara bagi menzahirkan seluruh potensi dan aset negara.

Tahun 2015 dengan segala cabaran ekonomi dalaman dan luaran bakal menguji sejauh mana Malaysia bersedia untuk melepaskan diri dari bayang-bayang pentadbiran ekonomi Barisan Nasional.



## **UNJURAN FISKAL**

### **PENDAPATAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

#### **FISKAL : PENDAPATAN**

Di dalam merangka pendapatan fiskal bagi tahun 2015, kami telah menggunakan satu metodologi yang menggabungkan penganalisaan corak peningkatan fiskal, data ekonomi daripada Jabatan Perbendaharaan, berita-berita dan polisi-polisi yang telah diumumkan oleh kerajaan.

Kami mendapati bahawa kerajaan telah secara konsisten membuat unjuran pendapatan kerajaan lebih rendah daripada sepatutnya.

***Merendahkan Pendapatan :  
Amalan Barisan Nasional membuat unjuran  
pendapatan yang rendah***

- *Adalah amalan biasa bagi Jabatan Perbendaharaan untuk membuat unjuran pendapatan kerajaan yang rendah. Antara sebab kepada amalan ini ialah untuk membolehkan Kerajaan Persekutuan untuk memperkenalkan perbelanjaan tambahan melalui pembentangan belanjawan tambahan dan pada masa yang sama, tidak memberi kesan yang besar kepada unjuran bajet defisit kerajaan dan pinjaman kerajaan.*
- *Jika pendapatan kerajaan diunjurkan dengan lebih tepat, unjuran defisit kerajaan mungkin akan menjadi terlalu rendah, sebagai contoh pada 2% dan bukannya pada 3.5% dan jika kerajaan perlu berbelanja lebih melalui belanjawan tambahan, maka pasaran kewangan semasa berkemungkinan akan menafsirkan bahawa tindakan kerajaan yang gagal mematuhi sasaran defisit sebagai tidak bijak dalam pengurusan fiskal.*

- Jadual 1 di bawah menunjukkan perbezaan di antara unjuran pendapatan dan pendapatan sebenar Kerajaan Persekutuan dari tahun 2008 sehingga 2013. Pendapatan kerajaan pada 2009 telah terlebih daripada unjuran disebabkan oleh krisis ekonomi global yang bermula pada tahun 2008. Pada tahun-tahun yang lain, pendapatan sebenar kerajaan melebihi pendapatan unjuran, dan ada ketika mencapai 11.8% daripada RM19.6 billion pada tahun 2011.

Tahun	Unjuran Pendapatan (RM Juta)	Pendapatan Sebenar (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Perbezaan (%)	Unjuran Peningkatan (%)	Peningkatan Sebenar (%)
2008	147,093	161,558	14,465	9.83		
2009	176,220	162,100	-14,120	-8.01	19.80	0.00
2010	148,446	159,653	11,207	7.55	-15.80	-0.02
2011	165,825	185,419	19,594	11.82	0.12	0.16
2012	186,906	207,913	21,007	11.24	0.13	0.12
2013	208,600	213,370	4,770	2.29	0.12	0.03
2014	224,100	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.

Rajah 1 – Perbandingan Unjuran dan Pendapatan Sebenar Kerajaan, 2008 hingga 2013

Sumber : Jabatan Perbendaharaan dan Laporan Bank Negara

## UNJURAN PENDAPATAN KERAJAAN 2015: RM245 BILLION

Kami telah menganalisis corak pendapatan dalam tiga kategori, iaitu Cukai Langsung, Cukai Tidak Langsung dan Pendapatan Selain Cukai berdasarkan data terkini daripada Jabatan Perbendaharaan sehingga bulan Mac 2014.

Jumlah Pendapatan Kerajaan RM Juta (sehingga Mac 2014)	2008	2009	2010	2011	2012	2013
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	82,138	78,735	79,009	102,242	116,939	120,523
Cukai Pendapatan	78,475	74,917	74,451	96,732	110,662	113,300
Syarikat-syarikat	37,741	30,199	36,266	46,888	22,977	23,055
Perseorangan	14,966	15,590	17,805	20,203	51,288	58,175
Petroleum	24,191	27,231	18,713	27,748	33,934	29,753
Koperasi dan lain-lain	204	546	378	357	345	286
Lain-lain	1,373	1,351	1,289	1,537	2,118	2,031
Lain-lain	3,663	3,458	4,558	5,509	6,276	7,223
Duti Harta Pusaka	1	4	1	1	2	1
Duti Setem	3,492	3,349	4,192	4,929	5,595	6,364
<i>Real Property Gain Tax</i>	110	42	303	509	608	785
Lain-lain	60	62	62	70	71	73
<b>CUKAI TAK LANGSUNG</b>	30,760	28,129	30,507	32,643	34,706	35,429
Duti Eksport	2,779	1,152	1,810	2,081	1,968	1,930
Getah	-	-	-	-	-	-
Petroleum	2,703	1,104	1,745	1,997	1,928	1,632
Timah	-	-	-	0	0	-
Minyak Sawit	66	38	52	73	0	0
Lain-lai	10	10	13	11	41	298
Duti Import dan Cukai Tokok	2,635	2,114	1,966	2,026	2,282	2,524
Cukai Eksais	10,683	10,068	11,770	11,517	12,187	12,193
Cukai Jualan	8,374	8,603	8,171	8,577	9,496	10,068
Cukai Perkhidmatan	3,345	3,344	3,926	4,982	5,583	5,944
Lain-lain	2,944	2,847	2,863	3,460	3,190	2,770
<b>CUKAI LANGSUNG</b>	82,138	78,735	79,009	102,242	116,939	120,523
<b>CUKAI TAK LANGSUNG</b>	30,760	28,129	30,507	32,643	34,706	35,429
<b>Jumlah Hasil Cukai</b>	112,898	106,864	109,516	134,885	151,645	155,952
Hasil Bukan Cukai	45,911	50,789	48,867	49,423	54,909	54,450
Penerimaan Bukan Hasil	985	1,346	1,270	1,111	1,360	2,968
<b>JUMLAH HASIL</b>	159,794	158,999	159,653	185,419	207,914	213,370

Di dalam pengiraan bagi unjuran 2015, sebagai permulaan kami telah melihat corak pertumbuhan kesemua sumber pendapatan kerajaan yang ada sebagai garis dasar bagi tahun 2014 dan 2015. Untuk cukai langsung, kami telah memberikan tumpuan kepada pengumuman LHDN bagi tahun 2014 dan menjalankan pengiraan kewangan berdasarkan kepada cadangan perubahan ke atas struktur cukai pendapatan yang telah mengambil kira pelaksanaan GST pada 2015 nanti. Bagi cukai tidak langsung pula, kami telah melihat kepada kesan GST beserta pengumuman berkaitan dan juga pengumuman berita mengenai sasaran pendapatan tambahan kerajaan.

Bagi pendapatan selain cukai pula kami telah melihat kepada Petronas dan kedudukan dividen (RM27 billion) dan juga telah melihat kepada niagaan hadapan petroleum untuk membuat unjuran royalti. Akhir sekali, kami juga telah mengambil kira prestasi ekonomi Syarikat Berkaitan Kerajaan (GLC) dan Syarikat Pelaburan Berkaitan Kerajaan (GLIC) utama.

Beberapa faktor utama yang telah dikenalpasti seperti di bawah:

- Bagi tahun 2014, LHDN telah menyasarkan kutipan sebanyak RM140 billion, peningkatan yang ketara daripada RM129 billion (semakan semula) pada 2013. Bagi tahun 2015 pula, selepas mengambil kira pelarasan cukai bagi mengimbangi GST, pelarasan kepada kategori cukai, peningkatan cukai pendapatan mungkin akan bertambah pada kadar yang perlahan kepada RM149 billion.
- Pengumuman Petronas mengenai pembayaran dividen yang kemungkinan besar akan dihadkan kepada RM27 billion juga bagi tahun 2015. Harga petroleum akan terus meningkat diantara USD90 dan USD110.
- Kutipan GST pada suku ketiga 2015 berkemungkinan mencapai RM20 billion dan selepas ditolak RM12 billion daripada cukai jualan dan perkhidmatan, peningkatan bersih sebanyak RM8 billion bagi cukai tidak langsung bagi tempoh 1 April 2015 hingga 31 Disember 2015. Dapatan kami adalah berdasarkan dua laporan berita. Laporan berita yang pertama dipetik daripada kenyataan seorang pegawai kanan Jabatan Kastam Diraja Malaysia yang menyatakan bahawa GST akan memberi hasil tambahan sebanyak RM5-6 billion. Laporan berita yang kedua pula daripada ketua bahagian percukaian KPMG di Malaysia yang menyatakan beliau menyasarkan GST akan memberi pendapatan tambahan sebanyak RM9-10 billion bagi tahun 2015.

Kami menganggarkan jumlah keseluruhan pendapatan kerajaan ialah RM245 billion. Seperti yang dinyatakan sebelum ini, berdasarkan pengamatan kami mengenai kebiasaan unjuran rendah Barisan Nasional, kami menjangkakan kerajaan akan mengisytiharkan unjuran pendapatan yang lebih rendah.

## UNJURAN PENDAPATAN PAKATAN 2015: RM242 BILLION

Berkaitan pendapatan kerajaan bagi tahun 2015, kami membantah perlaksanaan GST bermula pada kadar 6%. Komen dan kritikan terperinci kami berkaitan hal ini boleh didapati dalam dokumen ini pada muka surat 49. Polisi cukai kami akan menunjukkan Cukai Keuntungan Modal bagi Ekuiti (CGT) akan menggantikan GST. Kami melihat CGT sebagai cukai progresif yang diterima dengan meluas manakala GST pula lebih bersifat regresif. Dari sudut pengiraan pula, jika kita mengekalkan cukai jualan dan perkhidmatan sedia ada tanpa pendapatan cukai tambahan RM8 billion daripada GST, kami menyasarkan CGT mampu memberikan sejumlah RM3 billion pendapatan cukai tambahan.

Selain dari itu, polisi percukaian kami juga akan memberikan tumpuan dalam menghapuskan korupsi dan kegiatan merentir pada peringkat kutipan. Sebagai contoh, kami tidak akan sesekali mengambil langkah pembahagian untung bersama syarikat swasta berkaitan pengutipan cukai. Kami lebih memilih kontrak perkhidmatan yang lebih mudah dan jelas berbanding kontrak penswastaan dan skim insentif konsesi. Oleh itu, kami dengan tegas mengutuk tindakan Barisan Nasional yang mengaut keuntungan melalui perkongsian keuntungan kutipan cukai melalui syarikat swasta seperti MyEG Services. Kami menjangkakan secara konservatif jumlah penjimatan keseluruhan sebanyak RM1 billion akan berjaya dikumpulkan apabila gejala rasuah dan merentir berjaya dibendung melalui tekanan politik.

Kami berhasrat untuk merombak 2 polisi berkaitan pendapatan selain cukai; iaitu penjualan tanah dan lesen. Kami akan memastikan bahawa harga pasaran yang setimpal akan dibayar bagi sebarang penjualan tanah di masa hadapan. Kami juga akan memastikan nilai sebenar akan dibayar untuk sebarang lesen bagi sektor yang bersifat monopoli.

Antara aset yang paling bernilai dan dinilai rendah oleh Kerajaan Persekutuan adalah tanah-tanahnya. Tanah bernilai milik Kerajaan Persekutuan telah samada dijual dibawah nilai sebenar atau ditukar lebih rendah daripada nilai pasaran sebenar. Antara urusniaga yang jelas meragukan adalah urusniaga 1MDB TRX untuk TUDM Sungai Besi, bekas tanah RRI kepada KWSP, dan bekas Taman Tunku berdekatan Stadium Merdeka kepada PNB.

Bagi isu perlesenan pula, kami mendapati bahawa banyak lesen yang telah diberikan kepada syarikat-syarikat tanpa jumlah bayaran yang setimpal. Antara contoh ialah lesen siaran TV berbayar yang diberikan kepada Astro dan yang terbaru Asia Broadcasting Network (ABN) dan juga lesen operasi 4G yang diberikan kepada syarikat telekomunikasi sekarang dan syarikat baru Puncak Semangat. Pakatan Rakyat percaya jika sistem lelongan awam yang terbuka dijalankan ia mampu menjana lebihan pendapatan. Kami menjangkakan secara konservatif penjimatan keseluruhan berjumlah RM3 billion setahun dapat dicapai melalui lelongan tanah dan lesen yang betul.

Akhir sekali, kami komited untuk mengurangkan dividen Petronas kepada RM25 billion bagi tahun 2015 dan mengurangkan secara berperingkat sehingga RM20 billion pada tahun-tahun seterusnya. Kami berusaha untuk tidak mengambus telaga emas dan akan berusaha untuk memasukkan hasil dividen ini ke dalam tabung

warisan. Dengan pendapatan yang lain pada jumlah yang sama, unjuran keseluruhan pendapatan kami berjumlah RM242 billion bagi tahun 2015.

Pakatan Rakyat bersetuju dengan sebahagian pendapat dan pandangan yang terdapat di dalam buku Thomas Piketty yang bertajuk Capital in Twenty-First Century. Melangkah ke hadapan, Pakatan Rakyat mengakui bahawa ketidaksamaan pendapatan, masalah sosio ekonomi yang serius di Malaysia, akan terus membantutkan mobiliti sosio ekonomi dan akan terus mengukuhkan kedudukan korup golongan elit Barisan Nasional. Oleh itu kami akan memberikan penekanan yang lebih pada cukai ekuiti dan sebagai permulaan, kami mencadangkan pelaksanaan CGT untuk ekuiti.

Matlamat utama polisi percukaian Pakatan Rakyat ialah untuk mengekalkan kadar cukai pendapatan yang rendah dan pada masa yang sama meningkatkan nisbah cukai kepada KDNK. Dalam kata lain, meningkatkan jumlah kutipan cukai dengan meningkatkan jumlah pembayar cukai tetapi mengurangkan kadar cukai bagi setiap pembayar secara keseluruhan. Sebagai usaha untuk melakukannya, kami mesti meningkatkan taraf hidup majoriti rakyat miskin sehingga mendapat pendapatan tetap, mengejar golongan elit yang mengelak cukai, dan menutup lubang-lubang kelemahan sistem percukaian dan mengawal selia aktiviti perbankan bayangan golongan kaya dan berkuasa. Kita juga perlu menjadikan kutipan cukai lebih efisien dan kurang karenah. Peraturan yang jelas dan penguatkuasaan yang tegas harus dilaksanakan dan semasa proses itu berjalan segala kebocoran dan ketirisan harus ditutup.

Kita harus mempelbagaikan sumber cukai dan tidak hanya terlalu bergantung pada hasil minyak dan gas (lebih kurang 35% pendapatan negara disumbang oleh sektor ini) atau berisiko menjadi sebuah negara tanpa sumber. Komen penuh dan kritikan ke atas pergantungan ini boleh didapati dalam dokumen ini pada muka surat 40. Kita harus meningkatkan jumlah pendapatan melalui hasil cukai tidak langsung, yang lebih berdaya tahan berbanding cukai langsung ketika kemelesetan ekonomi. Walau bagaimanapun, fokus cukai di dalam cukai tidak langsung harus ditujukan kepada aset dan keuntungan kapital dan fokus ke atas pengambilan dikurangkan. Kita harus berusaha untuk mengimbangi keadaan ekonomi dengan mempelbagaikan barang dan perkhidmatan, dan ini akan memastikan cukai pada masa hadapan lebih pelbagai dan mapan. Akhirnya, polisi cukai Negara ini akan menentukan samada kita mampu untuk membayar hutang kerajaan yang menggunung tinggi.

## **UNJURAN FISKAL**

---

### **PERBELANJAAN KERAJAAN PERSEKUTUAN**

#### **FISKAL : PERBELANJAAN**

Dalam membuat unjuran perbelanjaan fiskal bagi tahun 2015, kami telah menganalisa komponen perbelanjaan dan peningkatan bagi setiap kementerian. Kami mengambil kira berita-berita dan polisi-polisi yang telah diumumkan oleh kerajaan dan telah mendapati terdapat langkah-langkah yang sengaja untuk membuat lebih banyak perbelanjaan luar kunci kira-kira dan untuk melaksanakan lebih banyak penswastaan.

Seperti belanjawan alternatif kami yang lalu, kami akan membuat perbandingan antara unjuran perbelanjaan Barisan Nasional dan unjuran perbelanjaan Pakatan Rakyat. Di samping itu, dokumen ini juga akan mengenalpasti dan menganalisa corak perbelanjaan Barisan Nasional.

## UNJURAN PERBELANJAAN BARISAN NASIONAL 2015 : RM283 BILLION

Sepertimana unjuran lebih rendah bagi pendapatan, Barisan Nasional sentiasa membuat unjuran lebih rendah bagi perbelanjaan. Untuk menghalalkan tindakan ini, Barisan Nasional akan memaksa Parlimen untuk meluluskan belanjawan tambahan. Proses ini sangat licik seperti dalam beberapa keadaan, Barisan Nasional akan membelanjakan terlebih dahulu dan hanya kemudiannya meminta Parlimen untuk meluluskan wang yang telah dibelanjakan.

Ianya sangat jelas bahawa kaedah unjuran lebih rendah yang sangat disukai Barisan Nasional adalah satu penyalahgunaan kuasa yang sangat jelas dan bersembunyi disebalik sifat sebenar belanjawan negara. Ini adalah satu penghinaan kepada proses belanjawan dan mencemarkan kredibiliti negara secara keseluruhan. Ia juga meletakkan kita ke belakang dari sudut penilaian antarabangsa. Pemerhatian kami boleh dilihat seperti di bawah :

- *Sepertimana unjuran pendapatan kerajaan, unjuran perbelanjaan kerajaan juga kurang daripada sepatusnya. Amalan membentangkan sehingga 3 kali belanjawan tambahan setahun adalah biasa.*
- *Jika belanjawan telah dibuat dengan teliti, perbezaan antara unjuran dan perbelanjaan sebenar tidak sepatutnya melebihi 2%. Bagi Barisan Nasional, jadual di bawah menunjukkan perbelanjaan sebenar boleh mencapai di antara 7.1% sehingga 15.8%. paling ketara ialah perubahan pada tahun 2008, 2010, 2011 dan 2012. Kami menganggarkan sehingga hujung tahun, 2014 akan menjadi seperti tahun yang lalu.*
- *Amalan unjuran di bawah paras sebenar mengesahkan bahawa Barisan Nasional mempunyai disiplin kewangan yang sangat rendah dan ketagih untuk berbelanja.*

Tahun	Unjuran Perbelanjaan (RM Juta)	Perbelanjaan Sebenar (RM Juta)	Perbezaan (RM Juta)	Perbezaan (%)	Unjuran Peningkatan (%)	Peningkatan Sebenar (%)
2008	168,799	195,388	26,589	0.16		
2009	205,899	206,063	164	0.00	0.22	0.06
2010	189,499	202,929	13,430	0.07	-0.08	-0.02
2011	211,987	227,928	15,941	0.08	0.12	0.12
2012	230,833	249,544	18,711	0.08	0.09	0.10
2013	248,643	253,480	4,837	0.02	0.08	0.03
2014	264,200	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.

Rajah 2 – Unjuran berbanding perbelanjaan kerajaan sebenar 2008 hingga 2013.  
2013 perbelanjaan angka sebenar belum dimuktamadkan

Sumber : Jabatan Perbendaharaan dan Laporan Bank Negara

Selain di atas dan merujuk kepada usaha kami untuk mengenalpasti corak tindakan, kami mempunyai empat soalan tambahan, seperti berikut :

1. *Berapakah jumlah unjuran perbelanjaan keseluruhan bagi belanjawan 2015 berdasarkan data yang lepas?*
2. *Apakah trend bagi perbelanjaan mengurus dan pembangunan?*
3. *Adakah emolument kakitangan awam mengikut perkembangan belanjawan negara?*
4. *Kementerian manakah yang mempunyai gaji yang luar biasa tinggi atau luar biasa rendah untuk perbelanjaan operasi?*

**Soalan 1 | Berapakah jumlah unjuran perbelanjaan keseluruhan bagi belanjawan 2015 berdasarkan data yang lepas?**

Tahun	Unjuran Perbelanjaan (RM Juta)	Perubahan	
		(RM Juta)	%
2010	191,499		
2011	213,987	22,488	11.74
2012	232,833	18,846	8.81
2013	251,667	18,834	8.09
2014	264,151	12,484	4.96
2015	286,340	22,189	8.40
	286,472	22,321	8.45

- *Budget negara telah berkembang pada kadar 8.40% (min) dan 8.45% (median) setiap tahun. Berdasarkan angka-angka ini, unjuran perbelanjaan bagi Belanjawan 2015 akan menjadi di antara RM286,339,684,000 sehingga RM286,471,759,500 (iaitu kira-kira RM286.4 bilion).*

Walau bagaimanapun, kami menyedari bahawa salah satu faktor utama dalam perbelanjaan; pemotongan subsidi yang tinggi telah diambil oleh Barisan Nasional. Kami menjangkakan pengurangan keseluruhan subsidi petroleum sebanyak RM6 billion dan kerajaan dijangka akan meningkatkan BR1M sebanyak RM3 billion. Ini bermakna unjuran perbelanjaan Barisan Nasional bagi tahun 2015 ialah RM283 billion.

**Soalan 2 | Bagaimanakah Trend Perbelanjaan Mengurus berbanding Perbelanjaan Pembangunan?**

Tahun	Perbelanjaan Operasi (RM Juta)	Perubahan		Perbelanjaan Pembangunan (RM Juta)	Perubahan		Jurang Beza (RM Juta)	Ratio
		RM Juta	%		RM Juta	%		
2010	138,279			53,220			85,059	2.60
2011	162,805	24,526	17.74	51,182	-2,038	-3.83	111,623	3.18
2012	181,584	18,779	11.53	51,249	67	0.13	130,335	3.54
2013	201,917	20,333	11.20	49,750	-1,499	-2.92	152,167	4.06
2014	217,651	15,734	7.79	46,500	-3,250	-6.53	171,151	4.68
2015*	242,398	24,747	11.37	44,928	-1,572	-3.38	197,470	5.40
	243,921	26,270	12.07	44,970	-1,530	-3.29	198,951	5.42

Rajah 4 - Jumlah perbelanjaan operasi dan pembangunan dan perbandingan tahun ke tahun.

- *Perbelanjaan mengurus dijangka akan berada dalam lingkungan RM242,397,918,700 sehingga RM243,921,475,700, dengan perbelanjaan pembangunan di antara RM44,928,300,000 dan RM44,970,150,000. Ini berdasarkan peratusan peningkatan min dan median dari 2010 sehingga 2015. Langkah-langkah ini kemudiannya digunakan untuk membuat unjuran perbelanjaan mengurus dan pembangunan bagi Belanjawan 2015.*
- *Peningkatan tahunan Min dan Median bagi perbelanjaan mengurus ialah 12.07% dan 11.37%, manakala penurunan tahunan Min dan Median bagi perbelanjaan pembangunan ialah 3.29% dan 3.38%.*
- *Jurang antara perbelanjaan pengurusan dan pembangunan semakin melebar dari RM85,059,000,000 pada 2010 ke RM171,151,000,000 pada 2014. Jurang ini dijangka berada di antara julat RM197,469,618,700 dan RM198,951,325,700 pada 2015.*
- *Nisbah operasi kepada perbelanjaan pembangunan telah meningkat dari 2.60 pada tahun 2010 ke 4.68 pada 2014. Kadar peningkatan jurang ini semakin cepat.*

Secara teori, satu pemerhatian penting ialah apabila sesebuah negara semakin meningkat maju, perbelanjaan pembangunan seharusnya menurun. Pemerhatian yang lain ialah bila mana kemudahan infrastruktur yang lama mengalami degradasi, ini akan disusuli dengan perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur yang baharu. Anggaran kitaran perbelanjaan untuk pembangunan infrastruktur ini adalah sekitar 7 hingga 10 tahun. Trend kitaran ini di Malaysia dapat diperhatikan melalui pemberian konsesi IPP dan lebuhraya.

Sejak PM Najib mengambil-alih tampuk kepimpinan negara, perbelanjaan pembangunan dalam ringgit sebenar dilihat semakin menurun daripada RM53 bilion pada 2010 kepada RM46 bilion pada 2014. Sekiranya kita mengambil kira faktor inflasi pula, nilai sebenar perbelanjaan pembangunan ini adalah sekitar RM41 bilion iaitu satu penurunan yang signifikan sebanyak 23% berbanding angka pada tahun 2010. Dari segi nisbah yang disebutkan sebelum ini, penurunan ini adalah jauh lebih ketara kerana bagi setiap ringgit yang dibelanjakan untuk pembangunan pada tahun 2014, kerajaan dalam masa yang sama membelanjakan RM4.68 untuk perbelanjaan mengurus. Pada tahun 2010, nisbah ini adalah jauh lebih kecil iaitu RM2.60 untuk setiap ringgit.

Tahun	2010	2011
Anggaran Perbelanjaan Operasi (Objek)	RM Juta	RM Juta
<b>Anggaran Perbelanjaan Operasi</b>		
Emolumen	42,175	45,585
Bekalan dan Perkhidmatan	20,880	28,165
Aset	553	1,465
Caj Tetap dan Geran	73,979	86,449
Perbelanjaan Lain	830	1,140
<b>Anggaran Perbelanjaan Pembangunan</b>		
Geran Langsung	46,940	47,753
Pinjaman	4,258	1,433
Kontingensi	2,022	1,996
Peratus Pembangunan ke atas Jumlah Perbelanjaan (%)	27.77	23.92

Dalam konteks dua pemerhatian yang dinyatakan sebelum ini, kami juga telah mengambil kira beberapa pengumuman penting berkenaan perbelanjaan pembangunan infrastruktur yang terbaharu. Di sinilah letaknya masalah kita yang utama. Malaysia pada hakikatnya belum mencapai status sebuah negara maju dan oleh itu, adalah tidak wajar, nisbah perbelanjaan pembangunan kepada perbelanjaan mengurus dan peruntukan untuk perbelanjaan pembangunan itu sendiri, dikurangkan. Selain di Lembah Klang, Pulau Pinang dan Iskandar Johor, tiada pengumuman jelas tentang projek infrastruktur yang signifikan telah dibuat oleh pihak kerajaan. Sebagaimana kita sedia maklum infrastruktur luar bandar dan perkhidmatan kerajaan (sekolah, hospital) di negeri-negeri termiskin termasuklah Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Kedah adalah masih di tahap yang asasi. Justeru itu, adalah jelas bahawa peningkatan dalam perbelanjaan pembangunan di kawasan-kawasan ini adalah amat diperlukan.

Kita juga maklum bahawa para kontraktor untuk projek-projek infrastruktur mega seperti MRT/sambungan LRT sedang menghadapi masalah bayaran tertangguh oleh pihak kerajaan. Kegagalan di pihak kerajaan untuk membayar kontraktor-kontraktor tepat pada masanya membayangkan satu keadaan kekurangan kredit yang serius ditambah pula dengan kualiti kredit negara yang dilihat semakin bermasalah. Dalam penarafan Fitch Rating terkini pada Julai 2014, jangkaan keseluruhannya kekal negatif.

**Soalan 3 | Adakan emolumen perkhidmatan awam meningkat setara dengan peningkatan belanjawan negara?**

Tahun	Emolumen Perkhidmatan Awam (RM Juta)	Perubahan		Perbelanjaan (RM Juta)	Perubahan		Pecahan Emolumen (RM Juta)
		RM Juta	%		RM Juta	%	
2010	42,175			191,499			22.02
2011	45,585	3,410	8.09	213,987	22,488	11.74	21.30
2012	52,115	6,529	14.32	232,833	18,846	8.81	22.38
2013	58,556	6,441	12.36	251,667	18,834	8.09	23.27
2014	63,554	4,998	8.54	264,151	12,484	4.96	24.06
2015*	70,437	6,883	10.83	286,340	22,189	8.40	24.60
	70,195	6,641	10.45	286,472	22,321	8.45	24.50

Rajah 5 – Emolumen perkhidmatan awam, anggaran perbelanjaan tahunan dan perbandingan tahunan.

- *Emolumen perkhidmatan awam meningkat pada kadar purata 10.83% setahun dan 10.45% setahun pada kadar median. Berdasarkan angka-angka ini, emolumen perkhidmatan awam diunjurkan antara RM70,195,494,614 dan RM70,437,000,164 untuk Bajet 2015.*
- *Emolumen perkhidmatan awam dilihat meningkat pada kadar yang lebih tinggi berbanding peningkatan jumlah belanjawan negara itu sendiri sejak 2012 dan trend ini dijangka akan berterusan pada tahun 2015.*
- *Pecahan emolumen perkhidmatan awam daripada jumlah belanjawan telah meningkat daripada 22.02% dalam tahun 2010 kepada 24.06% dalam tahun 2014.*

Berdasarkan angka-angka di atas, perkhidmatan awam dilihat seolah-olah telah menikmati peningkatan gaji melebihi kadar inflasi dan juga peningkatan jumlah peruntukan belanjawan itu sendiri sejak 4 tahun yang lepas. Namun demikian, pemerhatian ini tidak menggambarkan sentimen kakitangan kerajaan di bawah sana. Ini kerana terdapat banyak rungutan di kalangan kakitangan kerajaan bahawa mereka tidak mendapat kenaikan gaji yang signifikan. Dalam satu laporan akhbar pada September 2014, CUEPACS menyatakan bahawa 60% daripada kakitangan kerajaan memperoleh pendapatan bawah RM3000 sebulan dan penjawat awam gred rendah yang dinaikkan pangkat pula hanya mendapat kenaikan gaji sekitar RM80 hingga RM100 sebulan. Jelas, kebanyakan kakitangan kerajaan seperti juga rakyat Malaysia yang lain turut terhimpit dengan masalah kenaikan harga barang dan kemudahan asasi.

Berdasarkan data ini, terdapat 2 kemungkinan untuk menjelaskan masalah di atas. Kemungkinan pertama ialah peningkatan bilangan kakitangan kerajaan yang berkadar dengan pertumbuhan populasi di Malaysia. Pada tahun 2011, jumlah kakitangan kerajaan dianggarkan sekitar 1.2 juta orang dan angka ini terus meningkat kepada 1.5 juta pada tahun 2014 iaitu peningkatan sebanyak 100,000

orang setahun. Walaupun begitu, kami juga maklum bahawa kerajaan secara berkala membekukan pengambilan kakitangan baru dan pengumuman terakhir berkenaan tindakan pembekuan ini adalah pada Jun 2011. Sejak dari itu, tiada pengumuman rasmi berkenaan polisi ini yang dibuat, namun berdasarkan maklumat yang diperoleh, pengurangan kadar pengambilan kakitangan baru sememangnya berlaku.

Penjelasan kedua ialah kemungkinan kenaikan gaji ini hanya berlaku secara signifikan di peringkat kakitangan gred tinggi. Peningkatan pada kadar yang tinggi untuk kakitangan elit ini secara tidak langsung meningkatkan jumlah keseluruhan emolumen kerajaan. Kami percaya masalah ini berlaku disebabkan gabungan kedua-dua kemungkinan di atas.

Dalam isu emolumen kakitangan kerajaan ini, Pakatan Rakyat akan memastikan kenaikan gaji dibuat secara adil dan saksama di antara penjawat awam gred tinggi dan rendah. Emolumen untuk agensi-agensi khas kerajaan dan badan-badan berkanun juga harus dikaji semula bagi memastikan kesamarataan untuk semua penjawat awam. Perbincangan secara komprehensif bersama CUEPACS akan menjadi titik mula dalam usaha untuk memastikan janji kami bagi memperjuangkan gaji yang adil untuk semua termasuklah kakitangan kerajaan dapat dipenuhi dengan jayanya. Kami juga percaya bahawa sebuah ekonomi yang dipacu oleh sektor swasta yang dinamik akan menggalakkan penghijrahan para pekerja dari sektor awam ke sektor swasta.

**Soalan 4 |** Kementerian manakah yang mendapat peningkatan peruntukan belanjawan pada kadar tertinggi dan nisbah penggajian kepada perbelanjaan mengurus yang tertinggi dan terendah?

- *Sejak 2010 sehingga 2014, Jabatan Perdana Menteri mendapat peningkatan peruntukan belanjawan yang tertinggi iaitu daripada RM3,955,945,800 pada 2010 kepada RM16,450,557,500 pada 2014 (peningkatan 415.84%, atau RM12,494,611,700). Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi dan Kepenggunaan pula berada di tempat kedua dengan peningkatan berjumlah RM754,844,400 atau 300.45%.*
- *Kementerian Pelajaran secara konsisten mencatat nisbah emolumen kepada perkhidmatan dan perbekalan yang tertinggi. Pada tahun 2010, nisbah ini adalah pada kadar RM9.42 untuk setiap RM1 yang dibelanjakan untuk perkhidmatan dan perbekalan. Kementerian Dalam Negeri pula mencatat trend menurun untuk nisbah ini iaitu 2.738 pada 2010 dan hanya 1.706 pada 2014.*
- *Kementerian-kementerian yang mencatat nisbah perkhidmatan dan perbekalan kepada emolumen yang tertinggi ialah Jabatan Perdana Menteri, Kementerian Perlادangan, Industri & Komoditi, Kementerian Perdagangan Dalam Negeri, Koperasi & Kepenggunaan serta Kementerian Wilayah Persekutuan & Kesejahteraan Bandar.*

Tahun	2010		2011		Perubahan		2012		Perubahan (RM Juta)	(%)	2013		Perubahan (RM Juta)		(%)	2014		Perubahan (RM Juta)	(%)	Perubahan (2010-2014)		
	Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	RM Juta	%	
Supply Expenditure																						
B.6 Prime Minister's Department	3,956	2.07	5,077	2.37	1,121	28.33	5,740	2.47	663	13.06	5,562	2.39	-177	-3.09	16,451	7.07	10,888	195.75	12,495	415.84		
B.10 Treasury	2,295	1.20	2,420	1.13	125	5.43	2,597	1.12	177	7.31	2,985	1.28	388	14.94	3,267	1.40	281	9.43	971	142.31		
B.11 Treasury General Services	17,783	9.29	22,035	10.30	4,251	23.91	27,066	11.62	5,031	22.83	32,689	14.04	5,623	20.78	34,574	14.85	1,885	5.77	16,791	194.42		
B.23 Ministry of Natural Resources and Environment	861	0.45	917	0.43	56	6.50	1,014	0.44	97	10.61	1,033	0.44	18	1.80	1,112	0.48	80	7.71	251	129.17		
B.25 Ministry of Domestic Trade, Co-operatives & Consumerism	377	0.20	1,011	0.47	634	168.36	942	0.40	-69	-6.80	1,384	0.59	442	46.91	1,131	0.49	-252	-18.23	755	300.45		
B.41 Ministry of Education	25,521	13.33	29,360	13.72	3,839	15.04	32,699	14.04	3,338	11.37	47,351	20.34	14,652	44.81	50,565	21.72	3,214	6.79	25,044	198.13		
B.42 Ministry of Health	11,179	5.84	13,239	6.19	2,060	18.43	14,998	6.44	1,759	13.29	17,353	7.45	2,355	15.70	20,498	8.80	3,145	18.12	9,319	183.37		
B.49 Ministry of Higher Education	8,523	4.45	10,191	4.76	1,668	19.57	10,642	4.57	451	4.43	10,745	4.61	102	0.96	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.		
B.60 Ministry of Defence	9,101	4.75	10,531	4.92	1,430	15.71	10,946	4.70	415	3.94	11,970	5.14	1,025	9.36	13,355	5.74	1,385	11.57	4,254	146.74		
B.62 Ministry of Home Affairs	6,702	3.50	8,673	4.05	1,971	29.41	9,916	4.26	1,243	14.33	10,889	4.68	973	9.81	11,961	5.14	1,072	9.85	5,259	178.48		
Development Expenditure																						
B6 Prime Minister's Department	8,238	4.30	10,779	5.04	2,541	30.85	7,772	3.34	-3,008	-27.90	9,062	3.89	1,290	16.60	10,581	4.54	1,519	16.77	2,343	128.44		
P10 Treasury	1,486	0.78	494	0.23	-992	-66.77	1,516	0.65	1,022	206.87	1,780	0.76	265	17.47	1,361	0.58	-419	-23.56	-125	91.58		
E20 Ministry of Plantation, Industries and Commodities																						
B23 Ministry of Natural Resources and Environment	372	0.19	101	0.05	-271	-72.89	636	0.27	535	530.31	1,078	0.46	442	69.56	713	0.31	-365	-33.83	341	191.71		
B.25 Ministry of Domestic Trade, Co-operatives & Consumerism	2,694	1.41	1,413	0.66	-1,280	-47.53	1,436	0.62	22	1.58	1,899	0.82	463	32.25	1,374	0.59	-525	-27.65	-1,320	51.01		
E32 Ministry of the Federal Territories	52	0.03	37	0.02	-15	-29.24	60	0.03	24	64.89	34	0.01	-27	-44.49	41	0.02	7	22.12	-11	79.09		
B41 Ministry of Education	737	0.38	220	0.10	-517	-70.19	1,777	0.76	1,558	709.29	1,076	0.46	-701	-39.46	1,271	0.55	195	18.09	534	172.49		
B42 Ministry of Health	4,998	2.61	6,403	2.99	1,405	28.11	4,582	1.97	-1,821	-28.44	2,119	0.91	-2,463	-53.76	4,035	1.73	1,917	90.47	-963	80.74		
B49 Ministry of Higher Education	3,584	1.87	1,984	0.93	-1,600	-44.63	1,873	0.80	-112	-5.63	1,924	0.83	52	2.75	1,662	0.71	-262	-13.61	-1,922	46.38		
P60 Ministry of Defence	4,500	2.35	2,416	1.13	-2,084	-46.31	2,255	0.97	-161	-6.66	2,971	1.28	716	31.72	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.	N.A.		
P62 Ministry of Home Affairs	1,912	1.00	3,293	1.54	1,380	72.18	2,769	1.19	-524	-15.91	3,281	1.41	512	18.49	2,745	1.18	-536	-16.33	833	143.53		
	1,204	0.63	864	0.40	-339	-28.20	757	0.33	-107	-12.43	637	0.27	-120	-15.82	647	0.28	10	1.54	-557	53.75		

Tahun	2010 (RM Juta)		2011 (RM Juta)		2012 (RM Juta)		2013 (RM Juta)		2014 (RM Juta)	
	Emolumen	Perkhidmatan & Bekalan								
<b>Operational Expenditure (RM)</b>										
Prime Minister's Department	816	2,241	983	2,544	1,085	2,787	1,237	2,621	1,240	2,846
Ministry of Plantation, Industries and Commodities	14	23	13	28	16	28	30	37	18	30
Ministry of Natural Resources and Environment	465	241	480	271	518	317	547	303	587	320
Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism	120	141	124	366	131	394	137	379	149	477
Ministry of the Federal Territories	25	56	26	66	30	75	30	66	18	65
Ministry of Education	20,229	2,148	21,374	3,572	24,977	3,578	28,338	4,231	30,401	5,050
Ministry of Health	6,162	4,759	6,462	6,301	7,948	6,612	9,384	7,461	11,070	8,927
Ministry of Higher Education	491	370	583	509	627	578	753	590	N.A.	N.A.
Ministry of Defence	4,528	4,282	4,987	5,039	5,217	5,192	6,012	5,474	6,720	5,866
Ministry of Home Affairs	4,913	1,794	5,882	2,707	6,436	3,476	6,796	4,084	7,477	4,382
<b>Total Expenditure (RM)</b>										
Prime Minister's Department	816	2,447	983	3,428	1,085	3,426	1,237	3,872	1,240	4,182
Ministry of Plantation, Industries and Commodities	14	273	13	57	16	52	30	168	18	50
Ministry of Natural Resources and Environment	468	2,545	607	585	520	1,543	718	664	709	593
Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism	120	168	124	366	131	454	137	413	149	482
Ministry of the Federal Territories	25	56	26	66	30	75	30	66	18	65
Ministry of Education	20,229	2,148	21,374	3,572	24,977	3,578	28,338	4,231	30,401	5,151
Ministry of Health	6,162	5,010	6,462	6,479	7,948	6,743	9,384	8,817	11,070	9,933
Ministry of Higher Education	491	686	583	584	627	842	753	603	N.A.	N.A.
Ministry of Defence	4,528	4,474	4,987	5,321	5,217	5,502	6,012	5,783	6,720	5,866
Ministry of Home Affairs	4,913	1,794	5,882	2,707	6,436	3,476	6,796	4,084	7,477	4,382
<b>Ratio (Services &amp; Supplies/Emoluments)</b>										
Prime Minister's Department	2,997	3,485	3,157	3,131	3,157	3,131	3,131	3,131	3,131	3,371
Ministry of Plantation, Industries and Commodities	19,972	4,334	3,210	5,595	5,595	2,769	2,769	2,769	2,769	2,769
Ministry of Natural Resources and Environment	5,441	0.964	2,966	0.925	2,966	0.925	0.925	0.925	0.925	0.837
Ministry of Domestic Trade, Co-operatives and Consumerism	1,399	2,952	3,476	3,013	3,476	3,013	3,013	3,013	3,013	3,231
Ministry of the Federal Territories	2,261	2,558	2,496	2,190	2,496	2,190	2,190	2,190	2,190	3,514
Ministry of Education	0.106	0.167	0.143	0.149	0.143	0.149	0.149	0.149	0.149	0.169
Ministry of Health	0.813	1,003	0.848	0.940	0.848	0.940	0.940	0.940	0.940	0.897
Ministry of Higher Education	1,396	1,002	1,342	0.801	1,342	0.801	0.801	0.801	0.801	N.A.
Ministry of Defence	0.988	1,067	1,055	0.962	1,055	0.962	0.962	0.962	0.962	0.873
Ministry of Home Affairs	0.365	0.460	0.540	0.601	0.540	0.601	0.601	0.601	0.601	0.586

Apabila kami meneliti kementerian-kementerian utama, kami mendapati corak perbelanjaan yang berbeza-beza untuk setiap kementerian yang dianalisa. Secara khususnya, kami ingin melihat nisbah emolumen kepada perkhidmatan dan perbekalan.

Secara teorinya, bagi kebanyakan perniagaan dan organisasi di Malaysia (di mana gaji adalah secara relatifnya di tahap rendah) nisbah ini seharusnya sekitar 1:0.5. Dengan kata lain, bagi entiti perniagaan dan organisasi di Malaysia, mereka membelanjakan 50 sen untuk perbelanjaan organisasi (perkhidmatan dan perbekalan) bagi setiap RM1 yang dibelanjakan untuk pekerja (emolumen). Walau bagaimanapun, kita amat sedar bahawa variasi kepada nisbah ini adalah dijangkakan. Sebagai contoh, bagi sebuah kilang berteknologi rendah dengan bilangan pekerja asing yang tinggi, perbelanjaan untuk pekerja berkemungkinan adalah dua kali ganda berbanding perbelanjaan-perbelanjaan lain dengan nisbah 1:1. Berbeza pula bagi perusahaan yang hanya memerlukan pekerja yang sedikit, kebanyakan perbelanjaan akan tertumpu kepada pembelian peralatan mahal dan berteknologi tinggi yang akan menyebabkan nisbah ini berkemungkinan pada kadar 1:2.

Apabila fokus diberikan kepada 2 kementerian utama di bawah:

- Jabatan Perdana Menteri (JPM)
- Kementerian Dalam Negeri (khususnya PDRM)

Kami mendapati untuk JPM pada 2014, bagi setiap satu ringgit yang diperuntukkan untuk emolumen, JPM membelanjakan RM2.30 bagi perkhidmatan dan perbekalan. Ini adalah satu nisbah yang amat tinggi dan menunjukkan tahap perbelanjaan budi bicara (discretionary) yang tinggi. Harus diingat di sini bahawa JPM tidak menguruskan sebarang perkhidmatan sosial yang penting seperti pendidikan, kesihatan dan keselamatan. Jabatan ini sepatutnya hanya berperanan untuk memantau dan mengko-ordinasi kesemua kementerian yang lain, namun di Malaysia, ia mendapat peruntukan yang sama tinggi dengan Kementerian Kesihatan yang bertanggungjawab menguruskan beratus-ratus hospital dan klinik kesihatan masyarakat di samping mengajikan beribu-ribu doktor dan jururawat di seluruh negara.

Jika kita teliti nisbah yang sama untuk JPM di Australia, kita akan mendapati corak nisbah yang sebaliknya berbanding kepimpinan Najib. JPM di Australia hanya membelanjakan 53 sen untuk setiap dolar yang dibelanjakan untuk emolumen. JPM di negara ini mendapat peruntukan hampir 5 kali ganda lebih besar untuk perbelanjaan perkhidmatan dan perbekalannya berbanding Australia. Malahan, apabila kita mengambil kira aspek penggajian di Australia yang dua kali ganda lebih tinggi berbanding Malaysia pada pada kadar dolar kepada dolar yang sama, nisbah yang dicatakan oleh JPM di Malaysia adalah lebih daripada dua kali ganda berbanding JPM di Australia.

Bagi Kementerian Dalam Negeri,kami menumpukan kepada peruntukan belanjawan yang diberikan kepada PDRM. Secara umumnya, sebahagian besar tugas polis adalah di lapangan dan oleh itu, PDRM memerlukan lebih banyak peralatan berbanding agensi-agensi lain yang lebih tertumpu kepada tugas di pejabat. PDRM sewajibnya memperoleh kemudahan persenjataan dan kenderaan yang lengkap untuk berfungsi dengan sempurna. Apabila dibandingkan PDRM dengan London Metropolitan Police, kami mendapati bagi PDRM, untuk setiap satu ringgit yang dibelanjakan untuk emolumen, 53 sen dibelanjakan untuk perkhidmatan dan perbekalan. Di London, nisbah ini adalah pada kadar 1:0.34. Jelas kita berbelanja hampir dua kali ganda untuk perkhidmatan dan perbekalan berbanding London Metropolitan Police. Namun, pada hakikatnya adalah sesuatu yang sukar untuk diterima bahawa PDRM memiliki

peralatan yang jauh lebih lengkap berbanding pasukan polis di London kerana banyak rungutan diterima dari pihak polis sendiri yang menyatakan mereka tidak mempunyai peralatan yang lengkap untuk menjalankan tugas dengan sebaiknya.

Di samping itu, apabila kita lihat kepada aspek nisbah anggota polis kepada populasi, kita dapati Malaysia mencatat kadar 1 orang anggota polis untuk setiap 290 penduduk (1:290) manakala London Metropolitan Police mencatat nisbah yang lebih rendah iaitu 1:171. Dengan kata lain, kita mempunyai saiz pasukan polis yang lebih kecil (Interpol mencadangkan nisbah 1:250) namun perbelanjaan perkhidmatan dan perbekalan PDRM adalah jauh lebih tinggi.

Terdapat 2 kemungkinan dalam menjelaskan permasalahan di atas. Pertama ialah secara relatif, gaji seorang anggota polis di London adalah lebih kecil berbanding harga peralatan kepolisan yang diperlukan. Sebuah komputer berharga RM2,000 adalah ‘mahal’ berbanding gaji seorang polis di Malaysia yang rata-rata sekitar RM2,500 sebulan. Bagi anggota polis di London, komputer ini boleh dianggap mampu milik dan tidak mahal. Penjelasan kedua ialah kemungkinan berlakunya pembaziran dan ketirisan yang serius dalam proses perolehan perbekalan dan perkhidmatan untuk PDRM.

Untuk mendapat gambaran yang lebih jelas terhadap jumlah peruntukan yang terlibat, untuk tahun 2014, Kementerian Dalam Negeri mendapat peruntukan berjumlah RM3.4 bilion untuk perbekalan dan perkhidmatan sahaja. Permasalahan ini berkemungkinan besar adalah disebabkan kedua-dua faktor di atas namun apa yang pasti, Malaysia sememangnya menghadapi masalah kekurangan anggota polis, peralatan kepolisan yang terhad dan anggota polis yang tidak mendapat penggajian yang setimpal.

Kami sedar bahawa perbandingan antara negara mempunyai masalah penilaian dan pengukurannya yang tersendiri, lebih-lebih lagi apabila kita memahami bahawa tiada satu negara pun di dunia ini yang benar-benar serupa khususnya dari segi tahap pembangunan dan budayanya. Namun, analisa perbandingan yang digunakan ini sekurang-kurangnya dapat memberi satu gambaran umum bahawa Malaysia amat memerlukan tahap ketelusan dan akauntabiliti yang lebih baik dalam aspek perbelanjaan fiskal negara. Pada hakikatnya, perbelanjaan fiskal inilah (dan bukan pendapatan negara) yang menjadi lubuk di mana masalah rasuah, pembaziran dan ketirisan berlaku. Angka-angka ini dapat membantu kita untuk menganalisa dan pada ketika yang sama mengesahkan pemerhatian yang kita lihat selama ini. Komitmen kami ialah untuk mengkaji semula peruntukan belanjawan setiap Kementerian agar sejajar dengan amalan terbaik antarabangsa.

## UNJURAN PERBELANJAAN PAKATAN 2015 : RM273 BILION

Unjuran jumlah perbelanjaan kerajaan kami untuk tahun 2015 adalah berdasarkan jumlah perbelanjaan perbekalan dan perkhidmatan kerajaan. Untuk tahun 2015, kami mengunjurkan jumlah ini adalah sebanyak RM44.9 bilion.

Kami yakin dengan keazaman politik kita mampu menjimatkan sekurang-kurangnya 10% daripada perbelanjaan perbekalan dan perkhidmatan. Penjimatan ini dianggarkan bernilai RM4.5 bilion. Sasaran utama ialah untuk melaksanakan model perolehan sebagaimana yang dicadangkan oleh Open Government Partnership (OGP). Kami percaya dengan menggunakan model ini kita mampu menjimatkan sehingga 20% daripada jumlah perbelanjaan perbekalan dan perkhidmatan sekarang ini.

Perbelanjaan (RM Juta)	2010	2011	2012	2013	2014	2015 Low Projection	2015 High Projection
<b>Perbekalan &amp; Perkhidmatan</b>							
Operasi	20,880	28,165	30,506	33,720	36,565	39,595	40,487
Pembangunan	9,068	3,983	6,663	6,235	5,155	4,177	4,401
Jumlah	29,948	32,149	37,169	39,956	41,720	43,772	44,888

Kami ingin terus menegaskan bahawa JPM mendapat peruntukan belanjawan tahunan yang terlalu besar. Kami telah meneliti kesemua Kementerian utama yang mendapat peruntukan melebihi RM5 bilion dan jelas, peningkatan jumlah peruntukan yang tertinggi dicatat oleh JPM. JPM merekod peningkatan perbelanjaan melebihi dua kali ganda daripada RM7.1b pada 2008 kepada RM16.5b pada 2014, satu peningkatan yang amat ketara sekitar 132%. Sebagai perbandingan, Kementerian Pelajaran yang merupakan kementerian dengan jumlah peruntukan tertinggi hanya mendapat peningkatan peruntukan perbelanjaan sebanyak 31% dalam tempoh masa yang sama sejak 2008 sehingga 2014.

Kami mengunjurkan bajet untuk JPM bagi 2015 sebanyak RM17.5 bilion. Bagi Pakatan Rakyat, kami mencadangkan penurunan secara beransur-ansur kepada bajet JPM daripada RM10 bilion pada 2015 dan seterusnya kepada RM5 bilion setahun dalam masa beberapa tahun. Penurunan ini dianggarkan mampu menjana penjimatan sekitar RM7.5 bilion untuk Belanjawan Pakatan Rakyat 2015.

Perbelanjaan Jabatan Perdana Menteri (RM)	2010	2011	2012	2013	2014	2015 Unjuran Perbelanjaan	
	Kos Sebenar	Kos Sebenar	Kos Sebenar	Kos Sebenar	Unjuran	Low end	High end
<b>OPERASI</b>							
10000 Emolument	816,448,700	983,484,180	1,085,029,400	1,249,081,300	1,240,425,100	1,346,419,200	1,373,223,660
20000 Perbekalan & Perkhidmatan	2,240,124,100	2,543,887,420	2,787,041,500	2,627,406,900	2,845,837,200	2,997,265,475	3,076,629,390
30000 Aset	19,122,700	37,199,200	45,061,000	42,162,400	51,443,900	59,524,200	60,015,550
40000 Caj Kekal & Geran	879,046,100	1,511,760,200	1,820,233,800	1,660,168,900	1,729,701,800	1,918,705,050	1,942,365,725
50000 Lain-Lain	704,200	420,000	2,185,000	2,195,000	2,207,000	2,218,000	2,582,700
<b>Jumlah</b>	<b>3,955,445,800</b>	<b>5,076,751,000</b>	<b>5,739,550,700</b>	<b>5,581,014,500</b>	<b>5,869,615,000</b>	<b>6,324,131,925</b>	<b>6,454,817,025</b>
<b>PEMBANGUNAN</b>							
20000 Perbekalan & Perkhidmatan	206,466,400	883,632,000	638,622,736	1,250,865,900	1,336,130,900	1,618,547,025	1,684,884,982
30000 Aset	7,732,962,300	8,179,047,900	5,902,355,892	4,012,751,900	3,869,811,600	2,904,023,925	2,853,539,454
40000 Caj Kekal & Geran	298,515,300	1,716,578,000	1,230,576,172	3,798,000,000	5,375,000,000	6,644,121,175	6,872,531,350
<b>Jumlah</b>	<b>8,237,944,000</b>	<b>10,779,257,900</b>	<b>7,771,554,800</b>	<b>9,061,617,800</b>	<b>10,580,942,500</b>	<b>11,166,692,125</b>	<b>11,410,955,786</b>

Berikut adalah elemen-elemen khusus yang kami ingin tumpukan dalam usaha mengurangkan perbelanjaan dalam bajet kami untuk tahun ini:

- Menilai semula keperluan membiayai Malaysia Nuclear Energy (RM6 juta), dan program-program ‘pembersihan minda’ yang dijalankan oleh Jabatan Hal Ehwal Khas atau JASA (RM24 juta) dan Biro Tatanegara (RM60 juta).
- Pengurangan drastik terhadap peruntukan kepada PEMANDU (RM39 juta) dan Talentcorp (RM78 juta).
- Mengkaji semula peruntukan kepada Program Latihan Khidmat Negara (RM668 juta). Fokus akan diberikan untuk pengutamaan kepada aspek keselamatan, akauntabiliti dan nilai untuk wang.
- Kajian semula dan pengurangan drastik geran kerajaan kepada syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) seperti geran pembangunan berjumlah RM300 juta yang diberikan kepada 1MDB dalam Bajet 2014, RM939 juta untuk KLIAB, RM200 juta untuk Indah Water Konsortium (IWK) dan RM4 bilion sebagai dana fasilitasi seperti yang diumumkan dalam Bajet 2014 melalui UKAS.

Kami menjangkakan pemotongan-pemotongan ini mampu menjimatkan sekitar RM500 juta daripada perbelanjaan kerajaan.

Selain daripada pengurangan peruntukan kepada program-program di atas, konsolidasi agensi-agensi tertentu yang dilihat bertindih perlu dilaksanakan. Konsolidasi ini dijangka mampu memberi penjimatan yang signifikan terhadap perbelanjaan negara. Kami telah mengenalpasti agensi-agensi yang mempunyai fungsi yang bertindih dalam pengurusan hal-ehwal inovasi, produktiviti dan keusahawanan. Ini termasuklah, Unit Inovasi Khas (RM106 juta), Agensi Inovasi Malaysia (RM20 juta), Malaysia Industry Group for High Technology (RM20 juta), Malaysian Productivity Council, MPC (RM37 juta) dan yang terkini, Malaysian Global Innovation and Creativity Centre, MAGIC (RM50 juta). Konsolidasi ini dijangka mampu memberi penjimatan sehingga RM100 juta.

Kami juga akan mengkaji semula peruntukan belanjawan untuk program-program di bawah National Blue Ocean Strategy (NBOS) – RM913 juta pada 2014, Aktiviti Ekonomi Utama Nasional (NKEAs) – RM2.17 bilion pada 2014 dan Bidang Keberhasilan Utama Negara (NKRA) – RM1.33 bilion pada 2014. Keberkesanan program-program semakin dipertikaikan terutamanya NKRA untuk pengurangan kadar jenayah yang menunjukkan perangkaan dan data-data yang tidak konsisten. Secara total, peruntukan NBOS, NKRA dan NKEA adalah RM4.5 bilion setahun dan kami menjangka pemotongan ini mampu menjimatkan sekitar RM1.5 bilion daripada dana negara.

Kami juga ingin terus menegaskan bahawa penambahbaikan kepada mekanisme program subsidi kerajaan perlu disegerakan. Sistem sedia-ada mempunyai terlalu banyak kelompongan dan kegagalan sistem ini dapat dilihat melalui aktiviti penyeludupan minyak masak dan diesel oleh sindiket-sindiket penjenayah yang semakin berleluasa. Dengan semua perkara lain tidak berubah, perbelanjaan kami dijangka berjumlah RM273 bilion untuk tahun 2015.

Secara prinsipnya, belanjawan kami akan berusaha untuk menghentikan trend pengurangan peruntukan pembangunan yang dilaksanakan oleh Barisan Nasional. Justeru itu, kami mencadangkan untuk tahun 2015 agar usaha pemgimbangan semula antara perbelanjaan pembangunan dan perbelanjaan mengurus kepada nisbah yang lebih munasabah sekitar 80:20. Secara khusus, kami mencadangkan agar perbelanjaan pembangunan di peruntukkan secara terus kepada kawasan-kawasan luar bandar di Sabah, Sarawak, Kelantan, Terengganu dan Kedah. Dalam masa beberapa tahun, kami mensasarkan nisbah ini akan berada pada angka sekitar 70:30 dan 75:25.

Seterusnya, kami akan menggerakkan usaha ke arah proses belanjawan yang lebih terbuka dan telus. Secara spesifiknya, kami akan mengambil kira cadangan-cadangan oleh International Budget Partnership menggunakan perkakasan Open Government Survey mereka. Dalam kajian terkininya pada 2012, kerajaan Barisan Nasional menduduki tempat ke-62 terbawah daripada 98 negara dalam Indeks Belanjawan Terbuka (Open Budget Index). Kami juga akan memastikan bahawa prinsip ketelusan dan akauntabiliti belanjawan ini juga dilaksanakan oleh syarikat-syarikat pelaburan berkaitan kerajaan (GLICs) dan syarikat-syarikat berkaitan kerajaan (GLCs) khususnya Petronas yang secara langsung dan tidak langsung menjana 35% daripada pendapatan negara. Petronas diyakini akan lebih berdaya maju dengan melaksanakan program Extractive Industries Transparency Initiative sebagai wahana yang ampuh dalam merancang hasil sektor minyak dan gas yang semakin menyusut dengan lebih berkesan. Kita seharusnya bersedia untuk masa depan tanpa minyak & gas dan persediaan ini sepatutnya dimulakan melalui proses belanjawan yang jujur dan telus.

# **UNJURAN PERTUMBUHAN EKONOMI**

## **UNJURAN BELANJAWAN KEPADA KDNK**

### **Pengiraan KDNK**

Setelah dua suku pertama yang mencatat pertumbuhan ekonomi yang kukuh, kami menjangkakan dua suku terakhir yang lebih lembab untuk tahun 2014. Oleh itu, unjuran pertumbuhan bagi 2014 dijangka akan berlebaran sekitar 5.3% dan 5.8%. Gabenor Bank Negara Tan Sri Zeti Akhtar Aziz menjangkakan kadar pertumbuhan bagi tahun 2014 akan berada pada kadar 5.5%. Pandangan ini juga dikongsi oleh Menteri yang bertanggungjawab kepada Unit Perancangan Ekonomi (EPU), Dato Seri Wahid Omar. Bagi tahun 2015, kebanyakan institusi kewangan dan ahli ekonomi menjangkakan kadar pertumbuhan ekonomi Malaysia yang lebih rendah sekitar 5.0%.

Sekiranya kami mengambil kadar pertumbuhan yang tinggi iaitu 5.8% bagi tahun 2014 dan unjuran kadar pertumbuhan nominal sekitar 9.3% (kadar pertumbuhan sebenar + inflasi sebagai proksi kepada deflator KDNK), kami memperoleh angka RM833 bilion untuk KDNK sebenar (harga malar 2005) dan RM1078 bilion untuk KDNK nominal bagi tahun 2014. Untuk tahun 2015, berdasarkan kepada unjuran kadar pertumbuhan yang sebenar sekitar 5.0% and unjuran kadar pertumbuhan nominal pada 9.0% (kadar pertumbuhan sebenar + inflasi sebagai proksi kepada deflator KDNK), kami memperoleh angka RM875 bilion untuk KDNK sebenar (harga malar 2005) dan RM1176 bilion untuk KDNK nominal.

	2008	2009	2010	2011	2012	2013	2014F	2015F
KDNK Nominal ( RM Juta)	769,949	712,857	797,327	885,339	941,949	986,733	1,078,499	1,175,564
Pertumbuhan Nominal (%)		-7.40%	11.80%	11.00%	6.40%	4.80%	9.30%	9.00%
KDNK Sebenar (Harga malar 2005, RM Juta)	639,565	629,885	676,653	711,760	751,934	787,611	833,292	874,957
Pertumbuhan Sebenar (Harga malar 2005, %)		-1.50%	7.40%	5.20%	5.60%	4.70%	5.80%	5.00%
Kadar Inflasi							3.50%	4.0%

*Sumber: Jabatan Perangkaan Malaysia, Bank Dunia, Asian Development Bank, OKM Analysis*

## **KEPINCANGAN PENTADBIRAN EKONOMI BARISAN NASIONAL**

Kemurungan ekonomi yang dialami Malaysia bukanlah satu perkara yang baru atau mengejutkan. Simptom-simptom kemurungan ini telah berjaya dihuraikan dengan baik.

Malaysia terperangkap dengan ekonomi nilai rendah dan berhadapan kesukaran bersaing dengan negara-negara baru yang struktur kosnya lebih rendah. Pekerja Malaysia berdepan dengan gaji yang rendah dan tidak meningkat secepat keuntungan berlipat kali ganda yang dikaut oleh majikan dan syarikat.

Kesan langsung dari kemurungan ekonomi ini menyebabkan rakyat Malaysia terpaksa menanggung beban sara hidup yang tinggi. Beberapa siri kenaikan harga barang asas yang diputuskan oleh Kerajaan Persekutuan akibat kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan yang tertekan dengan hutang yang menggunung menambahkan kesengsaraan rakyat.

Ahli-ahli ekonomi telah dengan tepat menggariskan beberapa tindakan jangka panjang yang perlu dilaksanakan untuk mengekalkan daya saing ekonomi. Ini termasuklah:

1. Reformasi pendidikan untuk memastikan tenaga kerja yang dijana oleh institusi pendidikan negara berkeupayaan untuk menjana ekonomi nilai tinggi yang berasaskan teknologi, inovasi, nilai kreatif dan keusahawanan.
2. Membersihkan ekonomi Malaysia dari amalan rasuah dan rentier yang menyebabkan pembaziran dan ketirisan besar dalam ekonomi negara.
3. Membina keupayaan sektor perindustrian kecil dan sederhana yang mampu bersaing di peringkat dunia sebagai tonggak utama ekonomi yang boleh berdikari.

Pentadbiran Barisan Nasional telah mengumumkan pelbagai pelan ekonomi, sasaran dan program insentif untuk membawa Malaysia keluar dari suasana kemurungan ekonomi ini.

Dato' Seri Najib Tun Razak pernah mengumumkan Model Ekonomi Baru di awal penggal beliau mengambil alih amanah sebagai Perdana Menteri. Negara juga dimaklumkan tentang perubahan-perubahan besar yang akan berlaku serentak dengan pelaksanaan Rancangan Malaysia Ke-10. Pelbagai kependekan ekonomi dari NKRA kepada ETP menjadi sinonim dengan pentadbiran ekonomi Dato' Seri Najib Tun Razak: bunyinya hebat tetapi isinya kelat.

Setelah lebih 5 tahun, jelas bahawa perancangan dan program ekonomi yang ingin dibawa oleh Dato' Seri Najib Tun Razak tidak berjaya melonjakkan ekonomi Malaysia keluar dari kemurungan. Malah, kedudukan ekonomi rakyat semakin susah walaupun Dato' Seri Najib Tun Razak terus lemas dengan pengumuman-pengumuman projek besar.

Apakah pelan-pelan dan program-program ekonomi yang turut dirangka cendekiawan ekonomi, pakar tersohor dan keseluruhan Perbendaharaan ini semuanya tidak tuntas? Kenapakah ekonomi Malaysia seolah-olah hanyut semakin jauh dari cita-cita sebuah ekonomi kukuh yang mensejahterakan rakyatnya?

Kemurungan ekonomi Malaysia bukanlah masalah rumit yang buntu tanpa jawapan. Diagnosis ahli-ahli ekonomi sebelum ini hampir semuanya merungkai dengan tepat langkah-langkah yang perlu diambil.

Masalahnya bukan berpunca dari tiadanya jalan penyelesaian, tetapi kepimpinan yang diamanahkan melaksanakan jalan penyelesaian itu tempang dan pincang.

Sejak tahun 2008, dengan rekod pentadbiran yang boleh dinilai sendiri oleh rakyat di negeri-negeri yang ditadbir Pakatan Rakyat, bolehlah disimpulkan bahawa perbezaan paling ketara di antara Pakatan Rakyat dan Barisan Nasional bukanlah terletak semata-mata di atas perbezaan ideologi dan dasar, tetapi mutu dan keikhlasan kepimpinan yang lebih baik berada di pihak Pakatan Rakyat.

Ubat yang baik pun tetapi jika disalahgunakan oleh doktor maka mudarat juga jadinya. Pelan ekonomi yang terbaik pun jika diserahkan kepada kerajaan yang bergelumang dengan rasuah, tiada keutuhan moral berdepan dengan kumpulan berkepentingan (special interest groups) dan menyalahguna perbendaharaan negara untuk mengkayakan diri sendiri tidak akan membawa manfaat. Kerajaan yang cepat menswastakan keuntungan negara dan cepat juga menaikkan harga barang yang membebankan rakyat tiada keupayaan untuk melaksanakan program ekonomi yang melonjakkan Malaysia keluar dari kemurungan ekonomi sekarang.

Sebab itu, Pakatan Rakyat bukan lagi bersaing dengan Barisan Nasional dalam aspek penghasilan dasar ekonomi yang membezakan ia dengan Barisan Nasional. Rakyat tahu bahawa Pakatan Rakyat punya kerangka ekonomi yang jauh berbeza dari Barisan Nasional dan pendekatannya mementingkan rakyat.

Tanggungjawab Pakatan Rakyat sebagai Pembangkang Persekutuan yang baik adalah menjadi pendesak agar amalan-amalan ekonomi pincang yang diamalkan oleh Barisan Nasional dihentikan; kerana hanya apabila kepincangan pentadbiran ekonomi ini dihapuskan barulah dasar dan perancangan ekonomi dapat dilaksanakan dengan berkesan.

Pakatan Rakyat telah mengenal pasti 4 kepincangan pentadbiran ekonomi yang diamalkan Barisan Nasional yang paling banyak mendatangkan kesan negatif kepada rakyat dan ekonomi negara. Memperbetulkan kepincangan pentadbiran ekonomi ini perlulah menjadi keutamaan utama negara sebelum perancangan ekonomi jangka sederhana dan jangka panjang dapat dilaksanakan.

4 kepincangan pentadbiran ekonomi amalan Barisan Nasional ini adalah:

1. Tatakelola yang lemah membolehkan budaya rasuah berakar dalam kerajaan dan pentadbiran ekonomi
2. Pergantungan kepada hasil dari industri minyak dan gas yang tidak kekal; tambah pula hasil ini tidak diurus dengan berhemah
3. Ketidaktelusan dan ketidakcekapan dalam menangani rundingan Perjanjian Perkongsian Pasifik (Trans Pacific Partnership Agreement atau TPPA) boleh memberi kesan besar kepada daya saing industri tempatan dan kos sara hidup yang bakal ditanggung rakyat
4. Sistem cukai berat sebelah yang memberikan insentif kepada golongan kaya untuk terus kaya tetapi golongan miskin dipaksa menanggung beban cukai negara

Kritikan Pakatan Rakyat dan langkah-langkah untuk memperbetulkan 4 kepincangan ekonomi yang menjadi amalan Barisan Nasional ini diperincikan di dalam bab seterusnya.

## TATAKELOLA YANG LEMAH

Perbelanjaan Kerajaan Persekutuan terus meningkat dalam 5 tahun sejak Dato' Seri Najib Tun Razak mengambil alih sebagai Menteri Kewangan.

Dari 5 komponen utama perbelanjaan Kerajaan Persekutuan (gaji, khidmat dan bekalan, aset, kenaan/bayaran tetap dan belanja pembangunan), 4 komponen ini terdedah besar kepada amalan rasuah akibat tatakelola yang lemah.

Selain dari tanggungan gaji dan pencen, perbelanjaan lain seperti pembelian bekalan, aset, kenaan/bayaran tetap dan belanja pembangunan melibatkan proses perolehan yang terkesan besar apabila budaya rasuah terus berakar di dalam pentadbiran negara.

Di bawah pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak, jumlah perbelanjaan dari kenaan/bayaran tetap yang terdedah kepada amalan rasuah semakin meningkat dari tahun ke tahun apabila lebih banyak perbelanjaan kerajaan diuruskan melalui perjanjian jangka panjang seperti konsesi pembinaan, sewaan tetap, pampasan keuntungan dan lain-lain.

Kecenderongan pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak menggunakan kaedah penswastaan yang berselindung di sebalik konsep perkongsian awam swasta (atau PPP) untuk membina infrastruktur dan menjalankan projek kerajaan bermakna setiap tahun jumlah bayaran konsesi, sewaan, pampasan dan lain-lain yang turut dikategorikan di dalam Belanjawan sebagai kenaan/bayaran tetap akan terus meningkat.

Mengambil kira keadaan ini, rakyat boleh membuat anggaran berapakah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan setiap tahun yang boleh terdedah kepada rasuah (dengan mengambil pendekatan perbelanjaan yang melalui proses perolehan kerajaan terdedah kepada rasuah).

Dengan menggunakan angka-angka perbelanjaan bagi tahun 2010 hingga 2014 (unjuran) mengikut kategori dan mengandaikan bahawa 30% dari kenaan/bayaran tetap turut terdedah kepada rasuah (kerana turut melalui proses perolehan melalui rundingan langsung, perjanjian penswastaan dan lain-lain), anggaran jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terdedah kepada rasuah setiap tahun adalah seperti berikut:

Dalam RM Bilion	2010	2011	2012	2013	2014
Khidmat dan bekalan	21	28	31	34	37
Aset dan lain-lain	1.4	2.1	2.6	2.2	3.0
Bayaran/kenaan tetap <i>(yang melalui proses perolehan kerajaan)</i>	22	27	32	37	42
Belanja pembangunan	47	48	47	45	42
Jumlah	92	105	112	118	124

Anggaran jumlah perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terdedah kepada rasuah (dalam RM bilion), angka dibundarkan.

Pada anggaran perbelanjaan Kerajaan Persekutuan yang terdedah kepada amalan rasuah hingga mencecah RM118 bilion (2013) dan RM124 bilion (unjuran 2014), sebarang penjimatan yang diperolehi dari usaha memerangi rasuah akan mempunyai kesan yang besar kepada kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan.

Pada anggaran konservatif bahawa kadar ketirisan dan rasuah bagi setiap RM1 perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah 10% (bermakna bagi setiap RM1 dibelanjakan, 10 sen menjadi habuan rasuah atau tiris), memerangi rasuah dan menghentikan ketirisan ini akan menghasilkan penjimatan sebanyak RM11.8 bilion (2013) dan RM12.4 bilion (unjuran 2014). Sudah tentu ramai yang biasa melalui proses perolehan Kerajaan Persekutuan lebih cenderung untuk percaya bahawa kadar ketirisan dan rasuah bagi setiap RM1 perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah lebih tinggi dari 10%.

Oleh itu, anggaran penjimatan kepada Kerajaan Persekutuan mengikut anggaran kadar ketirisan dan rasuah bagi setiap RM1 perbelanjaan Kerajaan Persekutuan adalah seperti berikut:

Kadar Ketirisan (%)	Jumlah Penjimatan Tahunan Dalam RM Bilion				
	2010	2011	2012	2013	2014
10%	9.2	10.5	11.2	11.8	12.4
15%	13.7	15.8	16.9	17.8	18.6
20%	18.3	21.0	22.5	23.7	24.8

Dalam keadaan kedudukan kewangan Kerajaan Persekutuan terus dihimpit oleh masalah defisit belanjawan yang berpanjangan dan hutang yang hampir mencecah had yang dibenarkan undang-undang, langkah yang paling mudah dan tidak membebankan rakyat adalah dengan memerangi rasuah dan menghentikan ketirisan.

Alasan Dato' Seri Najib Tun Razak bahawa kononnya pemotongan pelbagai subsidi yang menaikkan harga barang dan menambah beban rakyat adalah perlu untuk menangani masalah defisit belanjawan nampak dangkal kerana jumlah penjimatan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan sudah tentu akan dapat mengurangkan kadar defisit dengan lebih berkesan, berbanding langkah-langkah yang telah diambil setakat ini.

Pakatan Rakyat menganggarkan bahawa pada kadar rasuah dan ketirisan sebanyak 10% (unjuran perbelanjaan 2014), rasuah dan ketirisan itu menyumbang kepada defisit belanjawan sebanyak 1%. Oleh yang demikian, menghapuskan rasuah dan ketirisan ini (walaupun menghapuskan pada kadar 10% dari perbelanjaan tahunan Kerajaan Persekutuan) akan berjaya mengurangkan defisit Kerajaan Persekutuan sebanyak 1%.

Menggunakan anggaran dan unjuran bagi tahun 2015 seperti berikut:

1. Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) nominal sebanyak RM1,176 bilion.
2. Sasaran angka defisit yang disebut-sebut oleh Dato' Seri Najib Tun Razak pada 3.2%.
3. Anggaran jumlah belanjawan 2015 yang bakal diumumkan oleh Dato' Seri Najib Tun Razak sebanyak RM283 bilion.

Pakatan Rakyat boleh menganggarkan kesan penjimatan dengan memerangi rasuah dan ketirisan kepada angka defisit negara seperti berikut :

Kadar Rasuah & Ketirisan	10%	15%	20%
Pengurangan angka defisit negara jika rasuah dihapuskan pada kadar rasuah dan ketirisan	1%	1.5%	2%

## **Tatakelola Prasyarat Ekonomi Mampan**

Rakyat Malaysia rata-ratanya tidak akan menafikan bahawa menghapuskan rasuah dan ketirisan adalah keutamaan negara. Ia bukan sahaja berkait dengan ekonomi yang mampan, lebih penting lagi ia memualkan rakyat apabila mereka yang berkuasa dan rapat dengan kuasa mengaut kekayaan luar biasa.

Memerangi rasuah adalah satu proses yang panjang dan tidak cukup dengan kempen atau slogan. Ia melibatkan sistem pentadbiran yang dibangunkan khusus untuk menyekat rasuah, mengesan rasuah dan mengenakan hukuman yang paling keras ke atas pesalah rasuah.

Sebab itu, memerangi rasuah adalah satu proses mewujud dan mengukuhkan tatakelola yang baik (good governance). Proses ini bukan sahaja akan menghapuskan rasuah (dan menjimatkan perbelanjaan yang akan menepati matlamat segera memperbaiki kedudukan defisit negara), ia juga membudayakan sistem nilai yang menekankan meritokrasi, mengangkat keamanahan, memenangkan yang rajin dan kreatif dalam masyarakat kita.

Sistem nilai inilah yang diperlukan untuk mewujudkan satu sistem ekonomi yang mampan. Makanya, matlamat mencapai status negara maju yang mensejahterakan rakyatnya tidak boleh lari dari keperluan memerangi rasuah dan ketirisan kerana ia bukan sahaja persoalan kelemahan pentadbiran Barisan Nasional, ia adalah prasyarat ekonomi mampan.

Malangnya, pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak mengabaikan terus keperluan ini kerana sistem politik naungan yang subur di dalam Umno/Barisan Nasional bergantung kepada meluasnya rasuah dan ketirisan. Hasil negara yang tiris itu akhirnya sampai kepada ahli politik dan mereka yang berkepentingan yang rapat dengan ahli politik dari parti pemerintah.

Oleh yang demikian, tidak ada sebarang keikhlasan dan keseriusan dalam memerangi rasuah apatah lagi mewujud dan mengamalkan satu sistem tatakelola yang baik.

Di sebalik pelbagai kempen yang menelan belanja yang besar, ukuran sebenar keikhlasan dan keseriusan Dato' Seri Najib Tun Razak memerangi rasuah dan ketirisan adalah jumlah ahli politik yang didakwa dan disabitkan dengan kesalahan rasuah sejak beliau menjadi Perdana Menteri.

Statistik yang disahkan melalui jawapan Parlimen oleh YB Senator Dato' Paul Low menunjukkan bahawa di antara tahun 2010 hingga Ogos 2013 (hampir 4 tahun), hanya 9 orang ahli politik yang disiasat dan 5 akhirnya didakwa di mahkamah. Dari jumlah itu, ada kemungkinan tidak seorang pun yang akhirnya disabitkan dengan kesalahan dan dihukum.

Rekod yang memalukan ini berlaku dalam suasana rakyat berpendapat golongan yang paling banyak terlibat dengan amalan rasuah adalah ahli politik, selain anggota polis. Ini disahkan setiap tahun melalui kajiselidik oleh Transparency International dalam memutuskan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang mengukur pandangan masyarakat terhadap menularnya gejala rasuah dalam negara.

Maka tidak hairanlah Malaysia terus berada di kedudukan Indeks Persepsi Rasuah (CPI) yang tidak sepadan dengan usaha negara mencapai status negara maju kerana tatakelola yang baik itu adalah prasyarat kepada ekonomi yang mampan.

Dalam tahun 2013, kedudukan Malaysia dari 177 negara yang dikajiselidik hanyalah di tangga 53. Pada pencapaian 50 mata, Malaysia duduk jauh di belakang Singapura (capaian mata dalam kumpulan 80 – 89 mata dan menduduki tangga ke-5).

Gejala berakarnya rasuah tidak mungkin dapat dihapuskan dengan sikap dan pendirian pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak yang bergantung kepada budaya ini untuk kelangsungan politik mereka.

Peluang untuk menyelesaikan masalah defisit dengan cara yang tidak membebankan rakyat disia-siakan. Yang wajarnya pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak memerangi rasuah, sebaliknya yang diperangi adalah rakyat kebanyakannya yang terpaksa berperang dengan bebanan kos sara hidup yang melonjak apabila harga minyak dinaikkan dan subsidi ditarik balik.

Tanpa usaha yang ikhlas dan serius untuk memerangi rasuah, maka proses mewujudkan tatakelola yang baik sebagai kerangka kepada sistem nilai yang memacu ekonomi negara tidak akan berlaku.

Tanpa tatakelola yang baik ini, apa-apa pelan atau dasar ekonomi tidaklah boleh dilaksanakan dengan berkesan kerana bocor dan tiris di setiap peringkat.

Nasib yang sama akan menimpa ratus ribu juta wang rakyat yang diperuntukkan di dalam Belanjawan 2015 oleh pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak.

## **PERGANTUNGAN KEPADA HASIL MINYAK & GAS**



Walaupun Malaysia telah menemui minyak dan gas sejak seratus tahun yang lalu, hasil dari industri minyak dan gas sebelum ini tidaklah begitu dominan kepada perbendaharaan negara. Ramai yang tidak sedar bahawa Malaysia hanyalah mula bergantung kepada hasil minyak dan gas sejak beberapa tahun kebelakangan ini sahaja.

Pergantungan ini membimbangkan dalam keadaan rizab minyak dan gas negara semakin berkurangan. Untuk memastikan negara boleh mendapat manfaat berterusan dari khazanah minyak dan gas, PETRONAS perlu meneroka dan membeli rizab minyak dan gas di luar negara. PETRONAS memerlukan sumber kewangan yang kukuh untuk membolehkannya bersaing di persada antarabangsa setaraf dengan syarikat minyak dan gas tersohor dunia.

Bermula dari tahun 2008, pentadbiran Barisan Nasional di Putrajaya telah mengambil kesempatan di atas kenaikan harga minyak mentah dunia untuk menutup kegagalannya menyekat pembaziran wang rakyat dan menjana hasil yang berkembang baik untuk Kerajaan Persekutuan.

Selain dari cukai petroleum dan duti eksport petroleum, PETRONAS dan syarikat minyak dan gas lain juga membayar cukai pendapatan yang besar kepada Kerajaan Persekutuan. Pentadbiran Barisan Nasional juga mengenakan dasar dividen ke atas PETRONAS yang 10 kali ganda lebih tinggi dari kebiasaannya.

Ini mewujudkan pergantungan yang tidak sihat kepada industri minyak dan gas amnya dan PETRONAS khususnya.

Anggaran pergantungan kepada hasil dari industri minyak dan gas ini dibuktikan dari anggaran dan unjuran peratusan sumbangan industri ini kepada pendapatan Kerajaan Persekutuan di antara tahun 2008 hingga 2013 seperti berikut (semua angka dalam RM bilion):

	2008	2009	2010	2011	2012	2013
Anggaran cukai syarikat dari sektor minyak & gas	11	9	14	14	7	7
Cukai Petroleum	24	27	28	28	34	30
Anggaran cukai jualan dari sektor minyak & gas	1	1	1	1	1	1
Duti Eksport Petroleum	3	1	2	2	2	2
Dividen Tahunan Petronas	30	30	30	30	28	27
Jumlah sumbangan industri minyak & gas	69	68	75	75	72	67
Jumlah pendapatan Kerajaan Persekutuan	160	159	185	185	208	213
% sumbangan sektor minyak & gas	43%	43%	41%	41%	35%	31%

Ketagihan kepada hasil dari industri minyak dan gas negara ini berbahaya atas dua pertimbangan:

*Pertama*, ia memberi gambaran seolah-olah kedudukan ekonomi negara adalah baik dan boleh terus berbelanja sedangkan Kerajaan Persekutuan terus gagal membina industri yang lebih mampu bertahan. Sebarang turun naik harga minyak mentah di dunia yang cukup terpengaruh dengan keadaan geopolitikal dunia akan mempunyai kesan yang mendadak kepada negara.

*Kedua*, ketagihan ini akan terus melemahkan kedudukan kewangan PETRONAS secara mendadak, apabila keuntungannya terus dipunggah oleh Kerajaan Persekutuan untuk perbelanjaan yang banyaknya tiris. Kedudukan kewangan yang lemah memberi kesan kepada kemampuan PETRONAS bersaing di peringkat antarabangsa untuk meneroka dan membeli rizab minyak dan gas yang baru untuk negara.

Oleh yang demikian, Pakatan Rakyat berpendapat bahawa Kerajaan Persekutuan perlu meletakkan sasaran yang drastik untuk mengurangkan pergantungan kepada hasil minyak dan gas ini dalam tempoh 5 tahun.

Langkah-langkah khusus juga perlu dilaksanakan segera untuk memastikan pengurusan khazanah minyak dan gas negara melalui PETRONAS adalah telus dan bertanggungjawab kepada negara.

## ***Membina Keanjalan Petronas Melalui Pengurusan Yang Telus***

Sudah menjadi budaya pengurusan di Malaysia yang melihat ketelusan sebagai musuh pihak pengurusan. Budaya kepimpinan yang dibawa Barisan Nasional turut diikuti hingga ke peringkat pengurusan korporat sehingga ketelusan seolah-olah dilihat tidak baik untuk organisasi.

Sebagai sebuah organisasi milik rakyat, PETRONAS wajar menerima budaya ketelusan dengan hati yang terbuka. Ia bukan sahaja sebagai menyahut tuntutan rakyat supaya khazanah minyak dan gas negara diuruskan dengan bertanggungjawab bagi kelangsungan masa depan, tetapi yang lebih penting menerima hakikat bahawa organisasi yang telus adalah lebih cekap, berkesan dan anjal dalam apa jua suasana. Kelangsungan PETRONAS sebagai khazanah negara bagi masa depan sebenarnya bergantung kepada kesediaannya dan Kerajaan Persekutuan untuk memupuk budaya pengurusan yang bertanggungjawab dan telus kepada rakyat.

Sejak Dato' Seri Najib Tun Razak mengambil alih kepimpinan, PETRONAS juga menyaksikan peralihan kepimpinan. Kepimpinan PETRONAS yang baru ada memperkenalkan beberapa pendekatan baru yang mengundang kontroversi, termasuklah:

1. Mengalih strategi pelaburan jangka panjang PETRONAS dari membina rizab di luar negara kepada melabur di lapangan-lapangan marginal dalam negara.
2. Menganugerahkan kontrak perkhidmatan petroleum (atau risk service contract, RSC) kepada syarikat-syarikat yang rapat dengan pimpinan negara walaupun syarikat-syarikat itu sebelum ini bukanlah syarikat pengeluar minyak. Bezanya RSC dengan kontrak-kontrak pengeluaran petroleum (atau production sharing contract, PSC) adalah keuntungan dan bayaran kepada kontraktor yang dianugerahkan RSC telah dipersetujui dan dijamin oleh PETRONAS terlebih dahulu.
3. Projek petrokimia mega di Pengerang yang dikhawatiri menjejaskan alam sekitar dan mengabaikan kebajikan penduduk setempat.
4. Kecenderongan mengenakan pelbagai syarat ketat yang memberi kelebihan kepada syarikat-syarikat besar sahaja yang mampu memenuhi syarat-syarat itu seterusnya memangsakan syarikat tempatan yang tidak berupaya untuk turut serta dalam urusniaga PETRONAS kerana syarat-syarat itu.

Keperluan untuk menjadikan pengurusan PETRONAS lebih telus dan lebih bertanggungjawab kepada rakyat kian mendesak apabila setiap tahun sekurang-kurangnya satu pertiga dari perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dibiayai oleh dana PETRONAS. Pada masa yang sama, rakyat tidak dapat melihat perubahan ketara yang boleh diwariskan untuk generasi akan datang hasil dari khazanah minyak dan gas yang ghairah dibelanjakan oleh pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak ini.

Oleh sebab itu, kebergantungan kepada hasil minyak dan gas kerana tiadanya kebertanggungjawaban PETRONAS kepada rakyat telah menjadi kepincangan

utama pentadbiran ekonomi Barisan Nasional. Undang-undang negara yang hanya mewajibkan PETRONAS melaporkan dan bertanggungjawab kepada Perdana Menteri semata-mata menjadikan pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak merasakan ia kebal selagi wang PETRONAS boleh dijadikan bank peribadi.

Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 meletakkan matlamat membina ketelusan dan kebertanggungjawaban PETRONAS kepada rakyat Malaysia sebagai tindakan strategik jangka pendek yang perlu dilaksanakan segera.

Perkara-perkara berikut akan dilaksanakan oleh Pakatan Rakyat ke arah itu:

- Melancarkan kempen yang melibatkan rakyat bagi mendesak pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak dan pengurusan PETRONAS menyetujui agar PETRONAS menyertai Inisiatif Ketelusan Industri Perlombongan Sumber Asli atau Extractive Industries Transparency Initiative (EITI) bermula dari tahun 2015.

EITI adalah sebuah program antarabangsa yang menilai dan menetapkan piawai bagaimana sesebuah negara atau organisasi menguruskan sumber aslinya secara telus. Kepatuhan kepada piawaian yang ditetapkan oleh EITI memberi gambaran sama ada pengurusan sumber asli sesebuah negara benar-benar bertanggungjawab kepada rakyatnya atau tidak.

Sehingga kini PETRONAS masih lagi belum menyertai inisiatif EITI ini berbanding syarikat-syarikat minyak dan gas tersohor dunia seperti BP, Exxonmobil dan Royal Dutch Shell.

Maka tidak hairanlah apabila kedudukan Malaysia dalam senarai keberkesanan pengurusan sumber asli yang diterbitkan oleh Revenue Watch Institute bagi tahun 2013 adalah lebih corot berbanding dengan negara jiran yang lain. Pada kedudukan 34 dari 58 negara, Malaysia lebih corot dari Timor Leste (kedudukan 13), Indonesia (kedudukan 14) dan Filipina (kedudukan 23). Malah, Mongolia pun berada di depan Malaysia pada kedudukan 26.

Kedudukan ini wajib dibaiki supaya ia tidak memberi ruang kepada Kerajaan Persekutuan mengambil kesempatan di atas kelompongan undang-undang sedia ada yang menyekat PETRONAS dari menjadi lebih telus kepada rakyat.

Kesediaan Dato' Seri Najib Tun Razak dan pengurusan PETRONAS menyertai EITI menjadi kayu ukur sejauh mana Dato' Seri Najib Tun Razak serius menangani masalah pergantungan kepada hasil minyak dan gas untuk membiayai perbelanjaan Kerajaan Persekutuan.

- Membawa satu Rang Undang-undang Persendirian (Private Member Bill) ke Dewan Rakyat dalam tahun 2015 untuk meminda peruntukan-peruntukan sedia ada dalam Akta Pembangunan Petroleum 1974 bersabit PETRONAS yang telah menyekat PETRONAS dari menjadi lebih telus dan bertanggungjawab kepada rakyat.

Di antara kandungan di dalam Rang Undang-undang Persendirian itu kelak termasuklah:

1. Mewajibkan penubuhan sebuah Jawatankuasa Pilihan (Select Committee) di Parlimen yang mempunyai wakil-wakil dari Kerajaan dan Pembangkang yang tahu selok-belok industri minyak dan gas yang bertanggungjawab menjadi badan penyelia kepada PETRONAS.
2. Mewajibkan audit tahunan oleh Jabatan Audit Negara ke atas PETRONAS dan pengurusan tabung-tabung khas yang dibiayai oleh hasil minyak dan gas.
3. Perlantikan Pengerusi PETRONAS dan Ketua Pegawai Eksekutif PETRONAS perlulah melalui satu proses pendengaran di Dewan Rakyat.
4. PETRONAS membuat laporan tahunan kepada Parlimen mengenai prestasi dan kedudukan kewangannya.
5. Dividen PETRONAS kepada Kerajaan Persekutuan dihadkan melalui satu formula yang bergantung kepada keuntungan PETRONAS.
6. Sejumlah keuntungan PETRONAS disumbangkan ke dalam satu tabung khas yang hanya boleh digunakan untuk tujuan-tujuan yang telah diluluskan Parlimen seperti pendidikan, pembangunan sumber manusia dan teknologi.

Pakatan Rakyat berpendapat bahawa langkah-langkah drastik ini diperlukan untuk memaksa pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak memulakan langkah mengurangkan pergantungan kepada hasil minyak dan gas.

Tahun 2015 telah disasarkan sebagai tahun meningkatkan ketelusan dan kebertanggungjawaban PETRONAS kepada rakyat sebagai usaha membaiki kepincangan pentadbiran ekonomi Barisan Nasional.

## **TPPA : TIDAK TELUS, TIDAK CEKAP, TIDAK KEMAS**

Ekonomi kita menghasilkan barang dan perkhidmatan lebih dari yang diperlukan. Maka, kita bergantung kepada perdagangan antarabangsa untuk ekonomi terus berkembang. Pakatan Rakyat menghargai perniagaan perdagangan, tetapi ia perlulah juga adil.

Oleh sebab itu, untuk memastikan perdagangan antarabangsa adalah adil, perjanjian perdagangan yang dimeterai negara juga adalah sangat penting. Perjanjian perdagangan yang mempunyai kesan besar kepada pekerja, rakyat dan ekonomi negara wajarlah didahului oleh kajian-kajian lengkap mengenai kesannya kepada ekonomi, undang-undang dan dasar negara.

Tidak mungkin Kerajaan Persekutuan boleh menduga semua kesan kepada setiap industri dan golongan rakyat sekiranya mereka ini tidak dibawa berunding terlebih dahulu. Proses ini adalah satu proses yang bear dan memerlukan sumber yang mencukupi dengan menggunakan kepakaran yang tepat dengan kehendaknya.

Dalam konteks inilah Perjanjian Kerjasama Trans-Pasifik (atau singkatan TPPA) yang dirundingkan oleh Kerajaan Persekutuan menjerumuskan Malaysia ke dalam risiko besar.

TPPA bukanlah perjanjian perdagangan bebas yang biasa. Perjanjiannya rumit dan melampau isu biasa perdangan seperti tarif dan pasaran barang/perkhidmatan. Sebahagian besar fokus TPPA adalah ke atas isu-isu yang lebih sensitif seperti pelaburan, perolehan dan kebebasan ekonomi sesebuah negara.

Sebab itulah TPPA dibimbangi akan mengekang kemerdekaan dan kebebasan ekonomi sesebuah negara apabila ia dilihat cuba memaksakan model ekonomi tegar kapitalis yang diamalkan Amerika Syarikat ke atas negara-negara lain yang akan mempengaruhi undang-undang perdagangan, kos pengeluaran dan akhirnya daya saing negara lain berbanding Amerika Syarikat.

Paksaan sebegini boleh berlaku apabila negara-negara yang menandatangani TPPA perlu mengubah undang-undangnya sendiri jika bertentangan dengan kehendak TPPA. Ini mencabar konsep kedaulatan negara apabila ruang menggubal undang-undang dihadkan oleh peruntukan-peruntukan TPPA.

Selain soal kedaulatan negara, banyak pihak telah mengengahkan kebimbangan mereka mengenai kaedah penyelesaian yang melibatkan kerajaan (ISDS), harta intelek, kos perubatan, piawaian buruh, alam sekitar dan lain-lain lagi.

Bermula Oktober 2011, Malaysia secara rasmi menyertai rundingan TPPA. Rundingan ini telah berlanjutan hampir 5 tahun tetapi pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak masih belum menunjukkan sebarang pencapaian dalam rundingan ini. Sehingga kini, rakyat masih belum jelas apakah peruntukan sebenar di dalam perjanjian ini.

Kerahsiaan menggila ini menyebabkan rakyat Malaysia sehingga kini tidak boleh menyatakan dengan fakta apakah TPPA ini akan membawa lebih banyak kebaikan dari keburukan kepada ekonomi negara.

## ***Tidak Telus***

Sehingga kini, tidak ada seorang pun pemimpin Pakatan Rakyat yang telah diberi peluang menyemak teks sebenar perjanjian. Dalam keadaan kontangnya maklumat seperti ini, Pakatan Rakyat tiada pilihan kecuali terus mempersoalkan cara pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak menangani rundingan TPPA menyedari besarnya kesan TPPA kepada ekonomi negara.

Alasan bahawa teks perjanjian adalah rahsia negara dan sebarannya dihadkan sebagai sebahagian dari terma rundingan tidak boleh digunakan.

Negara-negara lain yang turut merundingkan TPPA bersama-sama Malaysia memberi ruang kepada lebih ramai pihak, ahli Parlimen, wakil industri dan ahli ekonomi menyemak terma dan peruntukan TPPA dengan syarat mereka menandatangani perjanjian kerahsiaan terlebih dahulu. Jika ini diamalkan oleh negara lain yang sama-sama merundingkan TPPA, di mana kewajaran merahsiakan peruntukan-peruntukan utama sebuah perjanjian yang boleh mengancam kedaulatan dan kemerdekaan ekonomi negara?

Walaupun Barisan Nasional terpaksa tunduk kepada gesaan mewujudkan satu Kaukus TPPA di Parlimen untuk meneliti rundingan TPPA, ketidaktelusan berlarutan sehingga kaukus itu hanyalah diberikan status terkini beberapa isu yang terlalu umum.

Dalam keadaan yang serba kerahsiaan dan tidak telus ini, wakil-wakil kumpulan utama dalam ekonomi kita (baik pekerja, industri, professional, pengguna, kakitangan awam) tidak dapat menilai sendiri kesan kepada kehidupan mereka dan ekonomi negara sekiranya TPPA ditandatangani.

Tidak ada kerajaan yang berhak memberi mandat kepada diri mereka sendiri untuk membuat keputusan yang sebegini besar tanpa kembali kepada mandat rakyat.

## ***Tidak Cekap***

Lebih membimbangkan adalah kerahsiaan itu menggambarkan tiadanya sebarang strategi rundingan atau kepakaran yang diperlukan untuk menjamin kepentingan negara. Apabila soalan diajukan di Dewan Rakyat mengenai berapa ramai perunding dan pakar sepenuh masa yang ditugaskan menyertai proses rundingan TPPA, Menteri tidak boleh memberi jawapan yang tepat. Sehingga kini tiada sebarang jawapan rasmi sama ada jumlah perunding dan pakar sepenuh masa itu adalah 5, 10 atau 15 orang.

Setakat yang diketahui, pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak hanya menyediakan sumber manusia seramai 6 orang peguam sepenuh masa dari Kementerian Industri dan Perdagangan Antarabangsa (MITI) yang dibantu oleh beberapa peguam yang dikongsi dengan kementerian.

Pasukan yang kecil dan terhad sumbernya ini diberi amanah berdepan dengan sekumpulan perunding sepenuh masa yang melibatkan 400 penasihat lantikan, peguam dan pakar yang mewakili pelbagai industri di pihak Amerika Syarikat.

Pakatan Rakyat sebelum ini telah memberi saranan supaya Kerajaan Persekutuan melantik kumpulan-kumpulan pakar baik dari dalam dan luar negara untuk memastikan kumpulan perunding kita mempunyai kepakaran dan sumber yang mencukupi. Saranan ini termasuklah mempertimbangkan menggunakan khidmat firma-firma guaman antarabangsa yang pakar dalam perjanjian antarabangsa seperti White & Case.

Sehingga kini, rakyat tidak dimaklumkan bahawa sebarang lantikan sebegini telah dibuat. Malah, kita juga khuatir bahawa pakar-pakar yang mewakili industri tempatan masih lagi belum dilantik sedangkan peruntukan TPPA akan mempunyai kesan yang besar kepada industri dan pekerja-pekerja yang bergantung kepadanya. Sebagai contoh, tiada lantikan yang melibatkan pakar-pakar dari bank tempatan seperti Maybank dan CIMB untuk bertugas sepenuh masa dengan pasukan perunding TPPA sedangkan sektor perbankan tempatan akan menerima tumparan dan persaingan hebat sekiranya TPPA dimeterai.

Oleh sebab itulah, pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak masih belum berjaya menampilkan angka-angka yang meyakinkan bahawa TPPA menguntungkan ekonomi negara apabila proses rundingan tidak ditangani dengan cekap. Satu-satunya kajian untung rugi (cost benefit) yang pernah diarahkan oleh Kerajaan Persekutuan adalah kajian oleh UNDP dalam tahun 2010 sebelum keputusan dibuat sama ada muhu menyertai rundingan TPPA.

Walau bagaimana pun, selepas 4 tahun pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak masih gagal menyiapkan kajian-kajian yang lebih mendalam dan terperinci mengenai kesan ke atas industri dan golongan yang sensitif kepada pelaksanaan TPPA. Atas desakan masyarakat dan Pakatan Rakyat, pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak mengarahkan agar dua kajian lebih terperinci mengkaji kesan TPPA ke atas industri kecil dan sederhana (IKS) dan perniagaan Bumiputra.

Setelah hampir setahun kajian terperinci itu diarahkan, sehingga kini tiada laporan konkret mengenai untung rugi dan kesan menyertai TPPA bagi ekonomi Malaysia (amnya) dan industri-industri yang sensitif kepada pembukaan pasaran (khususnya)

## **Tidak Kemas**

Pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak malangnya terbawa-bawa sikap tidak telus dan tidak cekap dalam rundingan TPPA yang boleh mendatangkan musibah besar kepada negara kerana ekonomi Malaysia bergantung kepada perdagangan antarabangsa. Sekiranya rundingan TPPA ini tidak kemas sehingga ia berat sebelah dan memberi kelebihan kepada negara-negara lain, industri tempatan berhadapan kesukaran untuk subur.

Kemasnya atau tidak rundingan itu boleh dinilai dengan keyakinan pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak menjawab soalan yang paling pokok: berapakah nilai tambah kepada ekonomi Malaysia sekiranya TPPA dimeterai?

Angka ekonomi yang paling penting ini masih belum dijawab sehingga kini. Sedangkan soalannya mudah: bagi eksport kelapa sawit misalnya (salah satu eksport terbesar negara), berapakah peningkatan eksport tahunan dari nilai eksport sekarang iaitu RM80 bilion? Jika unjuran peningkatan eksport negara bagi sektor yang besar seperti ini masih belum mampu dijawab oleh Barisan Nasional, mana mungkin nilai tambahan ekonomi yang tepat boleh diberikan bagi sektor-sektor ekonomi yang lebih kecil seperti pembuat kasut, fabrik, pengilang plastik dan lain-lain.

Setakat ini, unjuran pertambahan dagangan kesan dari TPPA bagi Malaysia hanya dikeluarkan oleh Peterson Institute for International Economics, sebuah institut pemikir ekonomi berpusat di Amerika Syarikat. Peterson Institute menganggarkan bahawa keseluruhan nilai export Malaysia akan meningkat sebanyak RM26 bilion jika Malaysia menyertai TPPA.

Mengambil kira bahawa cukai hanya dikenakan ke atas keuntungan (andaian kadar untung rugi dan kadar cukai), peningkatan nilai eksport sebanyak RM26 bilion secara puratanya meningkatkan kutipan cukai kerajaan sekitar RM260 juta setahun.

Bandingkan peningkatan hasil kutipan cukai ini dengan kemungkinan meningkatnya kos kepada perniagaan dan rakyat akibat kenaikan kos perbelanjaan IT selepas TPPA. Gartner Inc menganggarkan jumlah perbelanjaan IT Malaysia setiap tahun adalah RM68 bilion. Sekiranya peruntukan TPPA berhubung harta intelek meningkatkan kos sebanyak 1% sahaja, kenaikan kos kepada rakyat Malaysia sebanyak RM680 juta ini lebih tinggi dari pertambahan kutipan cukai oleh kerajaan sebanyak RM260 juta.

Ini risiko-risiko yang ditanggung oleh rakyat apabila ekonomi Malaysia terdedah kepada rundingan TPPA yang tidak telus, tidak cekap dan dikhuatiri tidak kemas.

Kepincangan pentadbiran ekonomi ini akan membawa kesan yang besar kepada ekonomi negara dan rakyat.

Sebab itulah Pakatan Rakyat memberi perhatian khusus supaya isu ketidaktelusan dan ketidakcekapan rundingan TPPA ini diselesaikan dalam tahun 2015.

## SISTEM CUKAI : MISKIN DICUKAI, KAYA DILEPASKAN



Tanggungjawab kerajaan adalah memastikan ekonomi berkembang baik dengan memberi sepenuh ruang untuk usahawan dan perniagaan menjalankan aktiviti ekonomi tanpa gangguan. Ekonomi yang berkembang baik hasil dari perniagaan yang berdaya saing meningkatkan hasil kerajaan melalui kutipan cukai.

Cukai yang dikutip sewajarnya digunakan untuk mewujudkan jaringan sosial dan membela golongan berpendapatan rendah dalam masyarakat.

Konsep percukaian ini diterimapakai oleh Pakatan Rakyat. Prinsip bahawa sistem cukai perlulah adil dengan memastikan golongan miskin tidak dicukai sama banyak atau lebih banyak dari golongan kaya adalah prinsip utama pentadbiran ekonomi yang membela rakyat.

Berlandaskan prinsip inilah, Pakatan Rakyat istiqamah menentang pelaksanaan Cukai Barang dan Perkhidmatan (GST) pada ketika pendapatan rakyat masih lagi rendah. Melaksanakan GST pada ketika ini menjadikan GST satu cukai yang regresif.

Cukai regresif bermakna beban cukai yang ditanggung oleh golongan berpendapatan rendah adalah lebih tinggi dari beban cukai yang ditanggung oleh golongan yang lebih kaya.

Kenyataan Perbendaharaan sendiri mengakui bahawa pelaksanaan GST akan meningkatkan perbelanjaan isi rumah dalam bentuk cukai yang dibayar kepada kerajaan. Anggaran Perbendaharaan meletakkan bahawa sebuah isi rumah berpendapatan kurang dari RM4,000 ke bawah sebulan akan menyaksikan

peningkatan cukai di antara RM140 hingga RM700 setahun (bergantung kepada cara dan jenis perbelanjaan). Peningkatan cukai juga berlaku di kalangan isi rumah berpendapatan RM4,000 ke atas sebulan yang dijangka mencatatkan kenaikan bebanan cukai melebihi RM1,550 setahun.

Kesan keseluruhan bebanan cukai yang meningkat ini ialah mengheret isirumah yang sudah pun berpendapatan rendah makin ke bawah menyebabkan lebih pendapatan bulanan berkurangan. Misalnya, bagi golongan berpendapatan rendah di bawah RM4,000 sebulan, 32.6% perbelanjaan bulanan mereka dijangka tertakluk kepada GST. Peratusan perbelanjaan yang tertakluk kepada GST ini adalah lebih tinggi bagi keluarga berpendapatan sederhana iaitu dijangka mencecah 60%.

Pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak yang berkeras mahu melaksanakan GST bermula 1 April 2015 berdepan dengan pelbagai cabaran besar. Jika perkara-perkara ini tidak ditangani dengan baik, rakyat baik pengguna atau peniaga akan menjadi mangsa dan menanggung beban ekonomi yang berat.

Cabaran-cabaran besar yang bakal dihadapi oleh ekonomi Malaysia akibat pelaksanaan GST pada masa yang tidak sesuai ini adalah seperti berikut:

1. Kenaikan harga barang berganda akibat dari penarikan subsidi bahan api. Pelaksanaan GST akan menambahkan kesan berganda kenaikan harga barang yang menghukum golongan berpendapatan rendah. Pemberian BR1M oleh Kerajaan Persekutuan tidak mampu menampung kenaikan harga barang berganda ini, apatah lagi apabila bukan semua isirumah berpendapatan sederhana dan rendah menerima BR1M. Malah, mengalihkan pemberian subsidi dari subsidi bahan api yang lebih menyeluruh kepada BR1M tidak ubah seperti pepatah “yang dikehjarnya tidak dapat, yang dikendong berciciran” kerana sementara BR1M tidak menyelesaikan bebanan sara hidup yang meningkat, penarikan subsidi bahan api pula menyebabkan kenaikan harga barang yang mendadak.
2. Pelaksanaan dan penguatkuasaan GST mestilah licin tanpa sebarang masalah besar terutamanya dalam membayar kembali tuntutan cukai input (input tax) yang dibuat peniaga kerana mereka telah mendahulukan membayar GST. Jika Kerajaan Persekutuan gagal membayar dalam tempoh yang ditetapkan, ini akan menyebabkan masalah aliran tunai kepada peniaga yang sekali lagi akan membebankan mereka.
3. Beberapa industri yang penting kepada rakyat, contohnya perumahan masih lagi terdedah kepada risiko kenaikan kos apabila tidak dikategorikan sebagai industri yang diberikan kadar sifar. Ini bermakna sedang pemaju perumahan dan industri pembinaan tidak boleh mengenakan cukai ke atas penjualan rumah persendirian, mereka juga tidak boleh menuntut kembali GST ke atas barang-barang pembinaan. Jalan yang terpaksa diambil oleh pemaju perumahan dan industri pembinaan adalah menaikkan harga jualan kepada pembeli untuk mengekalkan margin keuntungan atau mengelakkan kerugian. Perkara yang sama juga dijangka akan turut dihadapi oleh industri-industri lain yang dikecualikan tetapi tidak diberikan kadar sifar.

Pendirian Pakatan Rakyat berhubung GST tidak berubah. Pakatan Rakyat menentang pelaksanaan GST pada ketika gaji dan pendapatan rakyat, terutamanya golongan terbawah masih belum meningkat.

Pun begitu, Pakatan Rakyat realistik bahawa GST akan tetap dilaksanakan oleh pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak akibat keterdesakan kewangan yang dihadapi Kerajaan Persekutuan.

Oleh itu, dalam tahun 2015 ini tumpuan Pakatan Rakyat berhubung GST adalah seperti berikut:

1. Memberi pemahaman kepada rakyat dan peniaga mengenai GST terutamanya melalui kursus-kursus percuma bagi memenuhi keperluan kumpulan rakyat yang tidak mampu menyertai kursus berbayar mengenai GST; atau tidak berkesempatan menyertai penerangan percuma jabatan-jabatan kerajaan
2. Memberi tumpuan kepada sektor-sektor berkepentingan awam yang perlu diberikan kadar sifar untuk mengekang kenaikan harga. Pakatan Rakyat akan memainkan peranan supaya sektor-sektor berkepentingan awam yang mempunyai kesan langsung kepada kos saran hidup diberikan kadar sifar.

Lebih penting dari itu, tekanan perlu terus diberikan kepada pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak agar menukar pendekatan percukaian kerajaan dari mencukai golongan miskin kepada mencukai modal demi melindungi golongan miskin.

Pakatan Rakyat percaya Kerajaan Persekutuan sepatutnya memperkenalkan cukai-cukai yang mensasarkan golongan kaya seperti Cukai Keuntungan Modal (atau capital gains tax) serta Cukai Warisan Harta (atau inheritance tax) terlebih dahulu sebelum GST diperkenalkan.

## **Cukai Keuntungan Modal atau Capital Gains Tax (CGT)**

Ahli ekonomi Perancis, Thomas Piketty menggemparkan dunia melalui karyanya Capital In The 21st Century yang merumuskan bahawa kesenjangan kekayaan yang memisahkan golongan kaya dan miskin akan bertambah buruk di dalam sistem kapitalis sekiranya tiada tindakan khusus diambil.

Thomas Piketty juga menyarankan supaya cukai-cukai yang bersifat progresif (iaitu mencukai golongan kaya dan melindungi golongan miskin) diperkenalkan malah diperkuuhkan. Seruan Thomas Piketty itu sudah tentu lebih senang difahami di Malaysia apabila kekayaan dibolot oleh golongan mahakaya dan kroni yang rapat dengan Barisan Nasional sedangkan rakyat yang miskin semakin miskin dan dibebankan dengan beban sara hidup.

Mengambil pakai saranan Thomas Piketty itu, Pakatan Rakyat berpendapat bahawa tanggungjawab kerajaan adalah mencari kaedah yang paling adil untuk mencukai pelbagai bentuk modal dan keuntungan modal yang diperolehi kerana modal serta keuntungan itu lebih tertumpu ditangan golongan kaya. Ini berbeza dengan pendekatan Barisan Nasional yang melindungi golongan kaya sebaliknya memperkenalkan GST yang sasarannya lebih kepada golongan miskin dan pertengahan.

Jika selama ini Barisan Nasional memberi alasan GST dilaksanakan kerana negara-negara lain juga telah melaksanakan GST; maka Dato' Seri Najib Tun Razak perlu menjawab kenapa beliau enggan melaksanakan CGT sedangkan ia telah dilaksanakan di 127 negara yang lain.

Di Malaysia, hanya keuntungan dari penjualan rumah dalam tempoh 5 tahun pembelian sahaja yang dikenakan cukai. Keuntungan dari urusniaga melibatkan modal yang lain – contohnya saham, instrumen kewangan, bon, syarikat dan harta-harta lain (selain perumahan) tidak dikenakan sebarang cukai sedangkan urusniaga inilah yang sering mencatatkan keuntungan yang berlipat kali ganda.

Sedangkan golongan kaya lebih mudah mendapatkan modal dan menyertai urusniaga melibatkan modal untuk mendapatkan keuntungan.

Pakatan Rakyat menganggarkan pengenalan CGT akan berjaya mengutip cukai permulaan dalam tahun 2015 sebanyak RM3 bilion. Apabila ekonomi lebih berkembang dan pertumbuhan ekonomi meningkat, kutipan dari CGT atas keuntungan urusniaga melibatkan modal pun akan meningkat tinggi.

Ada pihak yang memberi alasan bahawa pengenalan CGT akan merencatkan pelaburan. Ini adalah alasan yang lemah memandangkan semua negara-negara Eropah yang menganggotai OECD melaksanakan CGT. Malah, Amerika Syarikat dan United Kingdom mempunyai antara kadar CGT yang tertinggi di dunia iaitu 50.8% bagi Amerika Syarikat (keempat tertinggi di dunia) dan 46.7% bagi United Kingdom (kelapan tertinggi di dunia). Umum mengetahui bahawa pasaran modal dan kewangan di kedua-dua negara ini adalah antara yang terbaik dan paling rancak di dunia, bermakna dakwaan CGT merencatkan pelaburan modal adalah tidak benar.

Pakatan Rakyat mencadangkan CGT diperkenalkan untuk mencukai keuntungan di atas urusniaga melibatkan saham, bon dan termasuk opsyen saham seperti ESOS.

Pakatan Rakyat juga mencadangkan supaya pelaksanaan CGT di Malaysia mengambil kira pelaksanaan terbaik dari seluruh dunia termasuklah kaedah-kaedah menstabilkan kutipan cukai CGT supaya tidak terlalu turun naik seperti yang telah diamalkan di California, Amerika Syarikat.

### ***Cukai Warisan Harta***

Di negara-negara lain, kerajaan mengenakan Cukai Warisan Harta (inheritance tax) ke atas pemindahan aset di kalangan golongan-golongan kaya. Sebarang perpindahan aset baik secara pemberian hadiah atau akibat kematian akan dikenakan cukai warisan harta.

Malangnya Malaysia tidak mempunyai sebarang bentuk cukai yang mencukai keuntungan hasil dari pewarisan harta di kalangan golongan kaya.

Jika dilihatkan kepada keupayaan United Kingdom memungut GBP2.7 bilion (bersamaan RM14 bilion) dari Cukai Warisan Harta dalam tahun 2011, Pakatan Rakyat percaya pelaksanaan Cukai Warisan Harta di Malaysia juga boleh memungut cukai yang tinggi.

Maka, Pakatan Rakyat mencadangkan supaya Cukai Warisan Harta diperkenalkan bagi sebarang pewarisan atau pemindahan aset bernilai RM5 juta ke atas.

## **BELANJAWAN BERKEBAJIKAN**

Matlamat sebuah perancangan ekonomi oleh sebuah kerajaan yang bertanggungjawab adalah untuk berlaku adil kepada semua pihak. Yang miskin dibela, yang kaya diberi ruang dan kebebasan dalam kegiatan ekonomi yang diceburi. Urusan kerajaan dipermudahkan, tiada campur tangan dalam urusan perniagaan rakyat.

Prinsip bahawa kerajaan menjaga golongan terbawah dan miskin adalah prinsip paling asas berkerajaan. Pakatan Rakyat percaya bahawa ekonomi yang berkembang baik hasil dari dasar kerajaan yang menggalakkan aktiviti ekonomi oleh usahawan dan niagawan akan memberi laba dalam bentuk cukai yang perlu disalurkan kembali kepada rakyat.

Mutakhir ini, pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak memberi gambaran bahawa program-program yang membela golongan miskin dan berpendapatan rendah adalah punca kemurungan ekonomi negara. Subsidi petrol dan diesel yang banyak membantu mengelakkan kenaikan harga barang dan diperlukan oleh golongan berpendapatan rendah di pedalaman diwar-warkan sebagai bebanan yang boleh memusnahkan ekonomi negara.

Hujah-hujah menteri banyak menempelak rakyat yang kononnya terus membebankan kerajaan seolah-olah hasil pendapatan negara itu disumbangkan oleh menteri-menteri.

Justeru, perancangan ekonomi negara dan dasar-dasar yang dibawa pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak makin luntur kebajikannya. Belanjawan yang dibentangkan menjadi igauan rakyat kerana ia mengandungi senarai subsidi yang ditarik balik, cukai baru yang diperkenalkan dan golongan rakyat yang bakal dihukum.

Sebab itu, Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 ingin mengembalikan roh kebajikan dalam wacana belanjawan dan perancangan ekonomi negara. Mengusulkan program-program kebajikan rakyat bukanlah sesuatu yang tidak baik, mempertahankan subsidi rakyat bukan bermakna tidak pandai ekonomi.

Malah, dalam keadaan ekonomi sekarang yang semakin melebar kesenjangan miskin kayanya, adalah menjadi tanggungjawab kerajaan untuk memperkuatkannya lagi sistem jaringan sosial dan bantuan kepada golongan berpendapatan rendah.

Pakatan Rakyat meletakkan 4 keutamaan yang akan menjadi tumpuan dalam tahun 2015 demi mempertahankan kebijakan rakyat. Keutamaan-keutamaan ini adalah:

1. Gaji yang adil demi memastikan pekerja mendapat perkongsian yang sewajarnya dalam membina hidup yang bermaruah.
2. Mempertahankan subsidi untuk golongan berpendapatan rendah dan subsidi umum untuk mengekang kenaikan harga barang.
3. Menyediakan lebih banyak skim kewangan perumahan dan skim perumahan rakyat yang lebih radikal untuk membantu golongan muda dan berpendapatan rendah memiliki rumah.
4. Merancakkan ekonomi desa supaya penduduk desa tidak terus terpinggir dari arus ekonomi dan tertekan dengan kenaikan sara hidup yang turut sama mereka hadapi.

Langkah-langkah Pakatan Rakyat menangani keutamaan-keutamaan ini diuraikan dalam bahagian seterusnya.

## GAJI YANG ADIL UNTUK HIDUP BERMARUAH

Bagi tahun 2013, daripada keseluruhan ekonomi yang dijana negara dan diukur melalui Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK), hanya 33.6% dari jumlah itu yang sampai kepada rakyat dalam bentuk gaji dan upah kepada pekerja. 2.2% lagi dibayar kepada kerajaan dalam bentuk cukai.

Jumlah terbesar iaitu baki 64.2% dari keseluruhan saiz ekonomi negara dalam tahun 2013 dipegang oleh syarikat dan pemilik perniagaan dalam bentuk lebihan keuntungan operasi.

Oleh sebab itulah, pekerja di Malaysia masih belum bebas dari belenggu gaji rendah yang tidak meningkat setimpal dengan produktiviti mereka atau kenaikan sara hidup. Jika dibandingkan dengan negara-negara yang berada di fasa ekonomi yang sama, peratusan KDNK yang kembali kepada rakyat dalam bentuk gaji dan upah pekerjaan adalah lebih rendah.

Negara-negara pasaran baru (emerging markets) yang sering menjadi perbandingan dengan Malaysia telah pun menyaksikan sejumlah 58% dari saiz ekonomi negara itu dikongsi dengan rakyat sebagai gaji dan upah pekerja (berbanding 33.6% di Malaysia). Angka ini sudah tentu lebih tinggi dan mencecah sekitar 66% bagi negara-negara maju.

Jika sasaran negara maju menjelang 2020 hendak dicapai, majikan di Malaysia perlu menaikkan gaji secara purata satu kali ganda dalam tempoh 6 tahun akan datang supaya perkongsian ekonomi negara dalam bentuk gaji dan upah pekerja setara dengan negara-negara maju pada angka 66%.

Malangnya, gaji dan upah pekerja di Malaysia telah lama dikekang hasil dari dasar terancang untuk menyekat kenaikan gaji dengan memandulkan kesatuan sekerja dan membina pergantungan kepada buruh asing yang lebih murah kosnya.

Sudah tentu ada majikan yang kaya raya kerana dasar terancang untuk menyekat kenaikan gaji pekerja ini. Namun, sebahagian besar pekerja di Malaysia dan keluarga mereka semakin tertekan dengan beban sara hidup yang kian tinggi. Pertubuhan pemantau buruh Verite dan Pertubuhan Buruh Antarabangsa (ILO) baru-baru ini melaporkan bahawa ada juga kumpulan pekerja di Malaysia yang bekerja dalam suasana eksplorasi tidak ubah seperti mereka menjadi hamba.

Makanya, meletakkan sasaran drastik untuk menaikkan gaji pekerja adalah keutamaan Belanjawan Pakatan Rakyat 2015. Pakatan Rakyat percaya bahawa kenaikan gaji yang membahagikan ekonomi yang dijana secara lebih adil adalah penting untuk perkembangan ekonomi negara seperti berikut:

1. Gaji yang lebih baik akan menghasilkan sebuah masyarakat yang lebih sejahtera dan mengurangkan jurang miskin kaya
2. Ini membantu lebih ramai rakyat Malaysia naik dari golongan berpendapatan rendah menjadi golongan berpendapatan sederhana lalu melahirkan satu masyarakat kelas menengah yang lebih yakin dengan kedudukan mereka.

3. Masyarakat begini tidak mudah terpengaruh dengan eksplorasi anasir perkauman dan lain-lain lalu mewujudkan kestabilan dalam negara.
4. Masyarakat dan negara yang lebih stabil akan membuka ruang yang membolehkan rakyat berbelanja lebih lalu sama-sama memacu perkembangan ekonomi negara.

Yang lebih penting, peningkatan produktiviti hanya boleh dikekalkan sekiranya gaji dan upah pekerja setimpal dengan peningkatan produktiviti yang dicapai. Jika gaji terus kekal rendah, insentif kepada pekerja untuk terus meningkatkan produktiviti akan hilang.

Walaupun pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak telah melaksanakan gaji minima, lonjakan gaji keseluruhan masih belum dicapai. Lebih dari itu, pelaksanaan gaji minima itu dilunturkan keberkesanannya apabila kenaikan sara hidup yang mendadak terus menelan jumlah kenaikan gaji setelah gaji minima diperkenalkan.

Pelaksanaan gaji minima mungkin ada kesan kepada tangga gaji permulaan bagi pekerja bawahan. Walau bagaimana pun, ia tidak mempunyai pengaruh yang besar untuk melonjakkan gaji keseluruhan tenaga kerja dalam ekonomi kita.



Oleh yang demikian, untuk melonjakkan gaji rakyat supaya kekayaan yang dijana bersama dapat dikongsi dengan lebih adil, Pakatan Rakyat meletakkan sasaran nisbah perkongsian gaji/upah pekerja daripada keseluruhan ekonomi yang dijana perlulah mencecah angka 50% menjelang 2020 (berbanding 33.6% dalam tahun 2013).

Ini bermakna nisbah perkongsian gaji/upah pekerja dari keseluruhan ekonomi negara mestilah mencapai kenaikan purata 15.9% setiap tahun di antara tahun 2015 hingga 2020 untuk mencapai sasaran ini. Ia bukanlah satu sasaran yang terlalu sukar untuk dicapai kerana kenaikan tahunan nisbah perkongsian gaji/upah pekerja dari keseluruhan ekonomi negara bagi di antara tahun 2008 hingga 2013 sudah pun mencecah 8.7%.

Bagi mencapai tujuan ini, langkah-langkah drastik menaikkan gaji perlu diambil dan dilaksanakan sebagai keutamaan nasional dengan tumpuan kepada tiga langkah:

1. Skop dan bidang kuasa Majlis Rundingan Gaji Kebangsaan (National Wages Consultative Council) perlulah diperluaskan untuk memberinya mandat dan kuasa membina konsensus menetapkan kenaikan gaji tahunan keseluruhan bagi semua pekerja dan industri di negara ini (berbanding skop sekarang yang hanya memberinya kuasa menetapkan gaji minima). Majlis Rundingan Gaji Kebangsaan perlu mempunyai wakil dari tiga institusi tripartite yang terlibat dalam konsensus menetapkan gaji ini iaitu majikan, pekerja dan kerajaan
2. Keahlian Majlis Rundingan Gaji Kebangsaan dikaji dan diperluaskan untuk memastikan perwakilan yang adil dan seimbang dari kerajaan, majikan, kesatuan sekerja dan rakyat biasa untuk memastikan konsep konsensus melalui sistem tripartite benar-benar berkesan
3. Undang-undang dan arahan yang menyekat kesatuan sekerja dan aktivisme di kalangan pekerja untuk menuntut hak mereka dihapuskan segera

Kaedah melonjakkan kenaikan gaji secara konsensus melalui sistem tripartite telah berjaya dilaksanakan di banyak negara. Masanya telah tiba untuk kaedah yang sama digunakan bagi mewujudkan gaji yang adil untuk hidup yang bermaruah.

## BEBANAN SARA HIDUP

Masalah kesenjangan miskin kaya sebenarnya makin meruncing kini berbanding 30 tahun yang lalu. Yang miskin bertambah miskin sementara yang kaya bergunungkan kekayaan adalah realiti sehari-hari rakyat Malaysia.

Muhammed Abdul Khalid, seorang ahli ekonomi dalam bukunya “The Colour of Inequality: Ethnicity, Class, Income and Wealth in Malaysia” menggariskan realiti kesenjangan ini dari perspektif aset kewangan (iaitu kebolehan untuk menabung dan melaburkan wang):

- Lebih dari 53% rakyat Malaysia tidak mempunyai apa-apa aset kewangan. Golongan 10% terkaya mengawal 77% keseluruhan aset kewangan di negara ini. 80% rakyat Malaysia yang berpendapatan rendah hanya memiliki 5.5% dari aset kewangan. Lebih dari 70% rakyat Malaysia yang tidak mempunyai sebarang aset kewangan adalah Bumiputra.
- Walaupun Amanah Saham Bumiputra (ASB) dikhaskan untuk Bumiputra, lebih 55% dari Bumiputra tidak mempunyai akaun ASB. 72% dari Bumiputra yang menabung di dalam ASB hanya mempunyai simpanan purata RM554 seorang atau bersamaan hanya 2.6% keseluruhan tabungan ASB. Orang-orang kaya dari kalangan Bumiputra (yang hanya berjumlah 0.2% dari kesemua penabung ASB) memiliki 1.5 kali ganda lebih tabungan ASB dari keseluruhan 80% penabung biasa yang lain.

Statistik pemilikan aset kewangan memberi gambaran bagaimana sebahagian besar rakyat kita tidak mempunyai lebihan pendapatan setelah ditolak hutang dan perbelanjaan bulanan untuk menabung atau melabur. Ia memberi gambaran runcingnya masalah pendapatan boleh belanja (disposable income) dan lebarnya jurang miskin kaya di Malaysia (baik di antara kaum yang berbeza atau sesama kaum).

Oleh sebab itulah sebarang kenaikan harga bahan asas akan mempunyai kesan yang besar kepada rakyat walaupun Dato' Seri Najib Tun Razak kerap mengulangi bahawa kenaikan itu hanyalah 20 sen.

Namun, kenaikan 20 sen harga petrol dan diesel yang mempunyai kesan berganda kepada harga barang dan perkhidmatan asas yang lain sudah tentu akan melemaskan keluarga-keluarga biasa yang sudah pun tertekan.

Sebab itu perancangan mengenai subsidi dan peranannya dalam masyarakat dan sistem ekonomi kita tidak boleh dipandang melalui lensa angka defisit semata-mata. Penggubal dasar dan pentadbir perlu menghayati bagaimana kenaikan 20 sen itu apabila digabungkan pula dengan GST akan membebankan isirumah yang rata-ratanya tidak mampu pun untuk menabung kerana tiada pendapatan boleh belanja.

## ***Kenaikan Harga Barang Sebelum GST***

Kadar inflasi (CPI) 3.3% pada separuh pertama 2014 berbanding tempoh yang sama pada 2013, jelas menunjukkan kesan pelan rasionalisasi subsidi kerajaan dengan sub-index pengangkutan dan sektor makanan masing-masing mencatatkan kenaikan yang berterusan pada kadar 5.4% dan 3.6%.

Bahan makanan yang diimport juga mencatatkan kenaikan harga purata sebanyak 5.4% setahun semenjak tahun 2005. Contohnya, kategori minyak dan lemak masak mencatatkan kenaikan pada kadar purata 5.5% setahun, sayur-sayuran dan buah-buahan pada kadar 6.3% setahun dan hasil tenua pula pada kadar 3.6% setahun.

Kenaikan ketara harga makanan sudah tentu membebankan golongan berpendapatan rendah lebih dari golongan kaya kerana peratusan perbelanjaan bulanan untuk makanan oleh golongan berpendapatan rendah adalah lebih tinggi. Kenaikan harga makanan juga adalah bukti kegagalan pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak menjamin kelangsungan bekalan makanan negara kerana pergantungan kepada import makanan jugalah yang turut menyebabkan harga makanan sensitif kepada pelbagai faktor (termasuklah kadar tukaran asing, kos pengangkutan dan lain-lain).

Pakatan Rakyat menjangkakan bahawa harga makanan akan terus meningkat dalam tahun 2015 selaras dengan pelaksanaan GST.

## ***Kenaikan Gaji Lebih Perlahan Dari Kenaikan Harga Barang***

Daripada sejumlah 29.95 juta penduduk Malaysia pada akhir 2013, hanya 13.3 juta sahaja yang bekerja. Purata gaji dan upah bulanan pada 2013 adalah pada RM 2,052 (diperolehi daripada 9.3 juta orang penerima gaji), di mana etnik Cina mendapat purata paling tinggi iaitu RM 2,444, Bumiputera RM 2,109 dan India RM 2,032 (mengikut laporan kajiselidik gaji dan upah oleh Jabatan Perangkaan Negara).

Laporan yang sama juga menunjukkan bahawa purata kenaikan purata gaji tahunan semenjak 2010 hingga 2013 hanyalah pada kadar 4% setahun. Manakala nisbah gaji pekerja kepada Keluaran Dalam Negara Kasar (KDNK) di Malaysia pula hanyalah pada 33.6% berbanding tahap negara-negara maju seperti Norway (51.3%), Sweden (53.8%) dan Australia (48.7%).

Kesan berganda apabila dasar ekonomi Barisan Nasional menyekat kenaikan gaji dan menaikkan harga barang menjadi sebab paling utama beban ekonomi yang kini ditanggung oleh rakyat.



## *Hutang Isirumah*

Nisbah hutang isirumah keluarga Malaysia kepada pendapatan boleh belanja (disposable income) pada kadar 140% adalah antara yang tertinggi di dunia. Bahagian hutang yang terbesar adalah pinjaman perumahan diikuti dengan pinjaman kenderaan, kad kredit, hutang persendirian dan lain-lain.

Secara makronya pula, jumlah hutang isirumah Malaysia telah mencecah 86.6% dari keseluruhan nilai ekonomi negara dan meningkat berbanding 81% dalam tahun 2012. Pada kadar ini, jumlah hutang isirumah Malaysia adalah antara yang tertinggi di rantau ini berbanding negara-negara yang gajinya lebih tinggi seperti Singapura dan Korea Selatan.

Ketiga-tiga faktor ini (kenaikan harga barang, kenaikan gaji yang tidak setimpal dengan kenaikan harga barang dan hutang isirumah yang tinggi) menjadikan ruang berbelanja dan menabung sebuah keluarga Malaysia begitu sempit. Dalam kesempitan inilah, sebarang keputusan Kerajaan Persekutuan menaikkan harga barang asas seperti harga minyak akan menjerumuskan banyak keluarga Malaysia ke bawah paras kemiskinan seperti kajian Profesor Madya Dr Fatimah Kari dari Universiti Malaya yang mengkaji kesan penarikan subsidi ke atas keluarga berpendapatan rendah.

## *Kenaikan 20sen Harga Minyak*



Pakatan Rakyat menentang keputusan menaikkan harga minyak terutamanya dalam keadaan pasaran minyak mentah dunia menyaksikan penurunan harga minyak mentah dari sekitar US\$110 setong kepada sekitar US\$90 setong.

Anggaran kesan kepada kewangan Kerajaan Persekutuan hasil dari jatuhnya harga minyak mentah dunia dan keputusan menaikkan harga minyak sebanyak 20sen adalah seperti berikut:

1. Kejatuhan harga minyak mentah dunia – oleh kerana minyak mentah merupakan kos tunggal paling besar dalam menapis petrol/diesel, kejatuhan harga minyak mentah sudah tentu mempunyai kesan yang besar kepada harga pasaran petrol dan diesel. Analisa Pakatan Rakyat menunjukkan bahawa Kerajaan Persekutuan akan dapat menjimatkan RM810 juta dari jumlah subsidi yang ditanggung jika harga petrol dan diesel tidak dinaikkan kerana harga minyak mentah dunia telah jatuh.
2. Menaikkan harga minyak sebanyak 20sen – Selain dari pengurangan jumlah subsidi yang berlaku secara sendiri apabila harga minyak mentah jatuh, keputusan menaikkan harga petrol dan diesel menambahkan lagi penjimatan bayaran subsidi yang perlu ditanggung oleh Kerajaan Persekutuan. Analisa Pakatan Rakyat menunjukkan bahawa kesan bersih menaikkan harga petrol dan diesel sebanyak 20sen ialah penjimatan berjumlah RM1.4 bilion bagi bulan Oktober hingga Disember 2014.

Apakah yang akan berlaku kepada jumlah RM1.4 bilion ini? Jika harga minyak mentah dunia terus kekal pada paras sekitar US\$90 setong, jumlah penjimatan pembayaran subsidi bahan api bagi tahun 2015 dijangka mencecah RM6 bilion.

Penjimatan RM6 bilion ini adalah lebih kecil berbanding dengan penjimatan sekiranya ketirisan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dihentikan pada kadar 10% iaitu penjimatan RM12.4 bilion setahun seperti yang dihuraikan lebih awal.

Maknanya, bebanan yang ditanggung rakyat apabila harga petrol dan diesel dinaikkan tidak pun berbaloi dengan kesan kepada kedudukan kewangan negara seperti alasan yang diwar-warkan oleh pentadbiran Dato' Seri Najib Tun Razak. Jutaan isirumah menanggung kos yang lebih tinggi hanya untuk penjimatan yang tidak sampai separuh dari penjimatan sekiranya hanya 10% ketirisan perbelanjaan Kerajaan Persekutuan dihentikan.

Oleh sebab itulah, Pakatan Rakyat akan terus mempertahankan prinsip bahawa subsidi untuk rakyat terbanyak bukanlah masalah utama ekonomi Malaysia. Pakatan Rakyat menentang sikap menyalahkan segala-galanya ke atas subsidi. Ketirisan dan rasuah yang berakar dalam pentadbiran Barisan Nasional masih lagi merupakan punca utama sehingga menyebabkan rakyat terpaksa bergelumang dengan kenaikan harga barang apabila subsidi dipotong kononnya untuk menjimatkan perbelanjaan kerajaan.

Dalam tahun 2015, Pakatan Rakyat akan menggandakan usaha untuk menyemak projek-projek Kerajaan Persekutuan yang menelan belanja tinggi sehingga membebangkan rakyat.

Memerangi budaya mengambil untung atas keperitan rakyat ini adalah cara terbaik untuk menghentikan amalan Barisan Nasional memotong subsidi supaya penjimatan dari menghentikan ketirisan adalah mencukupi untuk mengekalkan harga petrol dan diesel pada kadar yang tidak membebangkan rakyat.

## HAK PERUMAHAN RAKYAT

Memiliki rumah sendiri menjadi satu mimpi yang semakin sukar dicapai oleh kebanyakan keluarga Malaysia, terutamanya keluarga muda. Harga rumah yang melambung tinggi di luar kemampuan keluarga sederhana (terutamanya di kawasan-kawasan bandar) menyebabkan semakin ramai keluarga yang tidak berupaya memiliki rumah kediaman.

Indeks Harga Rumah pada hari ini sudah melebihi 40% berbanding pada tahun 2010. Walaupun peningkatan harga rumah sudah mendatar kebelakangan ini, ia masih mencecah kadar 8% dalam suku pertama tahun ini berbanding dengan suku yang sama tahun lepas. Dengan pengenalan GST, firma hartanah CH Williams, Talhar & Wong mengunjurkan harga rumah kediaman akan mengalami kenaikan sekitar 8% hingga 10% dan boleh mencecah 15% bagi rumah teres.

Rakyat juga tertekan dengan kesukaran mendapatkan pinjaman bagi membiayai rumah, sama ada kerana gaji mereka tidak cukup untuk mendapatkan pinjaman yang setimpal dengan harga yang tinggi atau bebanan hutang berganda yang mereka tidak mampu bayar setiap bulanan.

Dari jumlah hutang isirumah yang mencecah RM854 bilion dalam tahun 2013, sebanyak RM230 bilion atau 27% adalah pinjaman perumahan yang dibuat oleh peminjam berpendapatan bulanan kurang dari RM3,000. Golongan ini semakin dipinggirkan dari mendapat pembiayaan yang bersesuaian dengan kemampuan mereka kerana dengan jumlah pinjaman yang mencecah sehingga 7 kali ganda gaji tahunan mereka, tidak banyak institusi kewangan yang meluluskan pinjaman perumahan atas alasan risiko kredit.

Keputusan untuk mengetatkan lagi syarat-syarat pembiayaan termasuk memendekkan tempoh pembiayaan kepada 35 tahun (dari 45 tahun) akan meningkatkan bebanan ansuran pinjaman bulanan. Lebih ramailah golongan berpendapatan rendah yang dipinggirkan dari pembiayaan perumahan.

Oleh yang demikian, Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 mengambil kira bahawa masalah perumahan rakyat berpendapatan rendah hanya boleh diselesaikan dengan merombak kaedah pemilikan rumah dan pembiayaan. Pembinaan rumah-rumah mampu milik semata-mata tanpa mengambil kira kesukaran golongan berpendapatan rendah mendapatkan pembiayaan tidak akan membawa anjakan besar ke arah mengembalikan hak perumahan kepada rakyat.

Oleh itu, Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 menggariskan langkah-langkah berikut sebagai strategi serampang dua mata merombak kaedah pemilikan dan pembiayaan rumah:

1. Bank Negara Malaysia wajar membenarkan semula Developer Interest Bearing Scheme (DIBS) ditawarkan kepada pembeli kali pertama untuk mengurangkan halangan kewangan memiliki rumah. DIBS boleh digunakan untuk memastikan bayaran-bayaran pentadbiran seperti yuran guaman juga dimasukkan di dalam pakej pembiayaan. Selain itu, Kerajaan Persekutuan sewajarnya memansuhkan setem duti ke atas pembelian rumah pertama oleh pembeli kali pertama untuk mengurangkan kos keseluruhan memiliki rumah.

2. Kerajaan Persekutuan sewajarnya mengikut jejak Kerajaan Pakatan Rakyat Pulau Pinang dengan memperkenalkan Skim Pemilikan Bersama (Shared Ownership Scheme atau SOS) bagi meluaskan pembiayaan pemilikan rumah kepada golongan berpendapatan rendah. Di bawah skim ini, rumah akan dimiliki bersama oleh kerajaan dan pembeli kerana Kerajaan Negeri memberikan pinjaman sehingga 30% dari harga rumah. Dengan hanya 70% baki pinjaman yang perlu dibuat, lebih ramai golongan muda dan berpendapatan rendah boleh memiliki rumah kerana jumlah pinjaman lebih kecil yang diperlukan lebih mudah diluluskan oleh institusi kewangan.
3. Kerajaan Persekutuan wajar menaikkan pembiayaan kepada Syarikat Jaminan Kredit Perumahan (SJJKP) kepada RM3 bilion berbanding jumlah sekarang sebanyak RM180 juta. Ini akan membolehkan SJJKP meluaskan khidmat jaminan kredit bukan sahaja kepada institusi kewangan tetapi kepada pembeli-pembeli rumah kali pertama sehingga ke nilai RM400,000. Had harga kediaman yang layak dijamin juga perlu ditingkatkan dari jumlah sekarang iaitu dari RM100,000 ke RM400,000 memandangkan sukar untuk mendapatkan rumah mampu milik di bawah paras harga RM100,000 sekarang ini.

Pakatan Rakyat percaya Kerajaan Persekutuan boleh belajar dari pengalaman yang telah ditunjukkan oleh kerajaan-kerajaan Pakatan Rakyat dalam membantu rakyat mendapatkan rumah pertama mereka.

## **EKONOMI DESA YANG MENSEJAHTERAKAN**

Kawasan desa semakin mengecil dan terpinggir sepanjang tahun. Di awal 1980an, lebih kurang 70% keluasan Malaysia dikategorikan sebagai desa. Keadaannya berubah sekarang bila mana 72% keluasan Malaysia dikategorikan sebagai kawasan bandar yang tumbuh pada kadar 2.4% setahun.

Berdasarkan Kajiselidik Pendapatan Isirumah 2012, purata pendapatan isirumah penduduk desa adalah RM3,080 sebulan iaitu jauh lebih rendah dari purata pendapatan isirumah penduduk bandar pada RM5,742 sebulan.

Oleh kerana perubahan sosio-ekonomi masyarakat dan kegiatan ekonomi yang tertumpu di kawasan bandar, penduduk desa berhadapan dengan risiko dipinggirkan dan terus terbelenggu dengan kemiskinan.



## ***Masalah Desa***

Kehambaran pembangunan yang mempunyai kesan besar kepada taraf hidup penduduk desa dipengaruhi beberapa faktor. Memahami faktor-faktor ini adalah penting demi mencari jalan penyelesaian yang berkesan.

Pakatan Rakyat mengambil berat kebijakan penduduk desa yang semakin terpinggir dari arus pembangunan dan telah mengenalpasti beberapa faktor utama yang perlu diberi perhatian:

1. Tiadanya satu tumpuan ekonomi yang diusahakan di kawasan desa yang diusahakan pada skala besar. Ini merencatkan penawaran peluang pekerjaan, pendapatan isirumah dan kegunaan sumber ekonomi desa yang lebih cekap
2. Tiada suntikan teknologi atau pun modal dalam sektor pertanian yang dominan di desa menyebabkan sektor pertanian terbengkalai dan tidak menguntungkan. Ini memusnahkan peluang-peluang pekerjaan yang sewajarnya dijana oleh sektor pertanian di kawasan desa lalu mendorong migrasi ekonomi ke kawasan bandar
3. Kemudahan infrastruktur yang lemah terutamanya yang bersabit logistik dan komunikasi. Kelemahan infrastruktur ini mengurangkan lagi daya tarikan kepada perusahaan untuk menukar lokasi ke kawasan desa kerana walaupun kos harta tanah lebih murah, jaringan infrastruktur yang lemah meningkatkan pula kos dan mengurangkan kecekapan operasi
4. Kemudahan pendidikan yang tidak setaraf dengan kemudahan yang sama di bandar. Orang muda di desa sama ada perlu ke bandar untuk melanjutkan pelajaran dan tidak lagi kembali; atau pun penduduk bandar keberatan untuk berpindah ke desa kerana kemudahan pendidikan yang dirasakan tidak setaraf dengan bandar
5. Perumahan rakyat terutamanya kepada golongan muda yang tidak mencukupi menyebabkan dorongan berhijrah ke bandar adalah lebih kuat. Kurangnya perumahan rakyat menyebabkan ramai penduduk desa yang rata-rata berpendapatan rendah tinggal dalam keadaan yang tidak sewajarnya.

## ***Revolusi Desa***

Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 mengiktiraf potensi ekonomi yang ada di kawasan desa dan tanggungjawab kerajaan mewujudkan sistem ekonomi desa yang memacu kesejahteraan desa.

Keutamaan menghidupkan ekonomi desa juga selari dengan prinsip pentadbiran Pakatan Rakyat yang telah dimuatkan dalam dokumen-dokumen sebelum ini seperti Buku Jingga dan Manifesto Rakyat yang akan mengangkat desentralisasi wilayah sebagai satu pendekatan pentadbiran utama.

Melalui desentralisasi, Pakatan Rakyat akan melancarkan program-program yang membawa kegiatan ekonomi, pentadbiran dan pendidikan ke kawasan-kawasan desa agar sumber ekonomi yang memacu kegiatan ini akan turut serta dialihkan ke kawasan-kawasan desa.

Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 mencadangkan Revolusi Desa untuk memanfaatkan potensi ekonomi kawasan desa.

Rancangan utama Revolusi Desa adalah seperti berikut:

1. Permodalan Nasional Berhad (PNB) akan diberi tugas sebagai syarikat pelaburan negara yang bertanggungjawab membangunkan sektor pertanian desa sebagai sektor ekonomi negara. Kayu ukur yang khusus akan dilaksanakan terutamanya dari segi kandungan teknologi projek yang dilaksanakan, peluang pekerjaan yang dihasilkan, kecekapan guna tanah dan lain-lain. Matlamatnya adalah untuk mengangkat pertanian sebagai industri utama negara yang memenuhi keperluan mengurangkan pergantungan kepada import makanan di samping menyuntik kegiatan ekonomi yang boleh mengatasi faktor-faktor kehambaran yang dihuraikan sebelum ini.
2. Mewujudkan lebih banyak bandar satelit utama di luar Lembah Klang dan dipindahkan institusi dan jabatan kerajaan ke bandar-bandar satelit ini. Kawasan desa yang berhampiran dengan bandar satelit utama ini akan mendapat kesan ekonomi dari meningkatnya aktiviti ekonomi di bandar-bandar satelit ini.
3. Program perumahan desa untuk menyediakan rumah yang boleh disewa atau dibeli oleh penduduk desa pada kos yang berpatutan. Program ini perlu dibantu oleh skim insentif dari kerajaan kepada pemaju dan institusi kewangan untuk menggalakkan pemaju turut membangunkan perumahan di kawasan (sama ada dalam bentuk potongan cukai, insentif modal atau usahasama tanah) dan institusi kewangan memberikan pembiayaan bagi pembeli rumah di desa (sama ada dalam bentuk jaminan kredit atau pinjaman bersama).
4. Naiktaraf mutu perkhidmatan pendidikan di desa baik dari segi infrastruktur hingga kepada mutu tenaga pengajar. Pembinaan sekolah-sekolah berasrama penuh dan separa penuh yang baru di kawasan desa agar sekolah-sekolah yang lebih bermutu dapat dimaksimakan kemahirannya melalui kerjasama dengan sekolah-sekolah tempatan.
5. Insentif pelepasan cukai kepada koperasi atau syarikat yang berjaya menggabungkan guna tanah desa bagi menjalankan aktiviti pertanian bernilai tinggi mengikut syarat-syarat yang ditetapkan kerajaan. Ini bertujuan menggalakkan gabungan tanah milik persendirian dalam satu bentuk usahasama projek yang mempunyai skala ekonomi yang lebih besar.
6. Fungsi dan kemahiran agensi pemasaran seperti FAMA perlu disemak dan dinaiktaraf agar lebih berkesan dalam memasarkan keluaran ekonomi desa
7. Naiktaraf kemudahan infrastruktur dan jaringan telekomunikasi di kawasan desa

Pakatan Rakyat percaya pelaburan seperti yang disebut di atas boleh mewujudkan gelombang kerancakan sosio ekonomi desa selaras dengan matlamat Revolusi Desa yang diangkat menjadi agenda nasional.

## **PENUTUP**

Kritikan Pakatan Rakyat terhadap amalan dan pentadbiran ekonomi Barisan Nasional tidak pernah berubah dan konsisten. Ia bukanlah kerana Pakatan Rakyat tidak mempunyai idea lain. Malah kritikan yang sama dan berterusan ini adalah lambang bahawa isu-isu pokok yang menjadi penyebab kepada kemurungan ekonomi negara masih belum diselesaikan.

Ketirisan, rasuah, projek mega yang perjanjiannya berat sebelah, ahli politik dan pimpinan kerajaan yang menyalahgunakan kedudukan untuk mengkayakan diri adalah antara faktor-faktor utama yang kita tidak boleh ketepikan jika ekonomi negara mahu diselamatkan.

Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 menggariskan tindakan-tindakan jangka pendek yang akan diberi tumpuan dalam tahun 2015. Tindakan-tindakan jangka pendek ini adalah tindakan yang perlu dan boleh diambil oleh Pakatan Rakyat dalam memainkan peranannya sebagai pembangkang.

Jika ada lonjakan sihat untuk menyelesaikan satu pun daripada empat kepincangan utama yang diutarakan, itu sudah cukup untuk memberi harapan kepada Malaysia dan rakyatnya.

Dari segi itu, Belanjawan Pakatan Rakyat 2015 adalah satu azam untuk membuktikan bahawa Pakatan Rakyat tidak perlu menunggu menjadi Kerajaan Persekutuan sebelum ia berupaya menyelamatkan ekonomi negara.

Menghapuskan kepincangan amalan ekonomi Barisan Nasional melalui desakan sebagai pembangkang juga boleh memberikan keputusan yang serupa.

Moga Malaysia terus dirahmati dan rakyatnya dilindungi.



# BELANJAWAN MALAYSIA 2015

PAKATAN RAKYAT

